JUZU' KE-28

SURAH AL-HASYR

SURAH KE

59

SURAH AL-HASYR

Surah Pengumpulan dan Pengasiran

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

24

Dengan Nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ ﴿١﴾

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِن
دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ ۚ مَا ظَنَنتُمْ أَن يَخْرُجُوا ۖ وَظَنُّوا
أَنَّهُم مَّانِعَتُهُمْ حُصُونُهُم مِّنَ اللَّهِ فَأَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ
حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا ۖ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ ۚ يُخْرِبُونَ
بُيُوتَهُم بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِي
الْأَبْصَارِ ﴿٢﴾

وَلَوْلَا أَن كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَلَاءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي
الدُّنْيَا ۖ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُ النَّارِ ﴿٣﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُّوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۖ وَمَن يُشَاقِّ اللَّهَ فَإِنَّ
اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٤﴾

مَا قَطَعْتُم مِّن لِّينَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَائِمَةً عَلَىٰ
أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيُخْزِيَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾

"Segala kejadian yang ada di langit dan segala kejadian yang ada di bumi semuanya bertasbih memuji Allah. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(1). Dialah yang telah mengusir keluar orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab (Yahudi Bani an-Nadhir) dari kampung-kampung kediaman mereka bagi kali pertama pengumpulan dan pengusiran (mereka dari Semenanjung Tanah Arab). Kamu (wahai orang-orang Mu'min!) sama sekali tidak menyangka mereka akan keluar begitu, dan mereka juga menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah. Lalu datanglah serangan Allah ke atas mereka dari arah yang tidak terfikir oleh mereka, dan Allah telah mencampakkan ketakutan di dalam hati mereka. Mereka merobohkan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang-orang Mu'min. Oleh itu, ambillah pengajaran (dari peristiwa ini), wahai orang-orang yang mempunyai akal fikiran!(2). Dan jika tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran terhadap mereka, nescaya Allah 'azabkan mereka di dunia (dengan pembunuhan), dan untuk mereka di Akhirat disediakan 'azab Neraka(3). Balasan sedemikian ialah kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa yang menentang Allah, maka sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya(4). Apa sahaja yang kamu tebang dari pokok kurma yang baik (milik orang-orang Yahudi yang kafir itu) atau kamu biarkannya tegak di atas umbi-umbinya (tidak ditebang), maka semuanya dengan keizinan dari Allah. Dan supaya (dengan keizinan itu) Allah menimpakan kehinaan ke atas orang-orang yang fasiq(5)".

وَمَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا أَوْجَفْتُمْ
عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهُ
عَلَىٰ مَن يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

مَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ
وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ
لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمُ
الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِمْ
وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا
وَيَنصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٨﴾

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ
هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا
أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾
وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا
وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَا تَجْعَلْ
فِى قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٌ
رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

"Dan apa sahaja harta fai'i yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dari harta mereka, maka harta itu diperolehi tanpa kamu memecutkan seekor kuda dan tidak pula seekor unta pun tetapi Allah telah menguatkuasakan para rasul-Nya mengalahkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(6). Dan apa sahaja harta fai'i yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dari harta penduduk negeri-negeri musuh, maka harta itu adalah untuk Allah, untuk Rasul, untuk kaum kerabatnya, untuk anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang putus kewangannya dalam persafiran supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di antara orang-orang yang kaya sahaja di kalangan kamu. Apa sahaja yang disuruhkan Rasul kepada kamu, maka kerjakannya dan apa sahaja yang dilarangkannya kepada kamu, maka jauhkannya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya(7). (Harta fai'i itu) juga untuk orang-orang Muhajirin yang faqir yang telah diusirkan dari kampung halaman mereka dan dari harta benda mereka kerana mencari limpah kurnia dan keredhaan Allah. Mereka menolong Allah dan Rasul-Nya. Merekalah orang-orang yang benar-benar beriman(8). Juga untuk orang-orang (Ansar) yang menetap dalam negeri Hijrah dan dalam keimanan sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin). Mereka sayangkan orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka. Dan mereka tidak menaruh apa-apa keinginan di dalam hati mereka terhadap apa sahaja yang diberikan kepada mereka (Muhajirin), dan mereka mengutamakan kepentingan orang-orang Muhajirin dari kepentingan diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kepicikan. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari kebakhilan dirinya, maka merekalah orang-orang yang beruntung(9). Juga untuk orang-orang yang datang selepas mereka (Muhajirin dan Ansar) yang berdo'a: Wahai Tuhan Kami! Ampunkan kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami dan janganlah Engkau jadikan di dalam hati kami perasaan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Penyayang dan Maha Pengasih(10)".

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ نَافَقُوا۟ يَقُولُونَ لِإِخْوَٰنِهِمُ
ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ
لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نُطِيعُ فِيكُمْ أَحَدًا أَبَدًا وَإِن
قُوتِلْتُمْ لَنَنصُرَنَّكُمْ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ
لَكَٰذِبُونَ ﴿١١﴾

لَئِنْ أُخْرِجُوا۟ لَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِن قُوتِلُوا۟ لَا
يَنصُرُونَهُمْ وَلَئِن نَّصَرُوهُمْ لَيُوَلُّنَّ ٱلْأَدْبَٰرَ ثُمَّ لَا
يُنصَرُونَ ﴿١٢﴾
لَأَنتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِى صُدُورِهِم مِّنَ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ
بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٣﴾
لَا يُقَٰتِلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِى قُرًى مُّحَصَّنَةٍ أَوْ مِن
وَرَآءِ جُدُرٍۭ ۚ بَأْسُهُم بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ ۚ تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا
وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾
كَمَثَلِ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ قَرِيبًا ۖ ذَاقُوا۟ وَبَالَ
أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٥﴾

"Tidakkah engkau memperhatikan orang-orang Munafiq yang berkata kepada saudara-saudara mereka yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab: Jika kamu diusir keluar, nescaya kami akan tetap keluar bersama kamu. Dan kami selama-lamanya tidak akan tunduk kepada sesiapa pun yang bertujuan menentang kamu. Dan jika kamu diperangi, kami tetap akan membantu kamu. Dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya mereka adalah para pendusta(11). Jika mereka (kaum Yahudi) diusir keluar, mereka tidak akan turut keluar bersama mereka, dan jika mereka diperangi, mereka tidak akan membantu mereka, dan jika mereka membantu mereka, mereka akan berpaling lari ke belakang kemudian mereka (kaum Yahudi) tidak akan mendapat bantuan(12). Sesungguhnya kamu di dalam hati mereka lebih ditakuti mereka dari Allah. Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak mengerti(13). Mereka tidak akan memerangi kamu dengan bersatupadu melainkan di kampung-kampung yang berkubu kuat atau di sebalik tembok-tembok. Perseteruan di antara sesama mereka begitu hebat. Kamu fikir mereka bersatupadu, tetapi hati mereka berpecah-belah. Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak berfikir(14). (Mereka) adalah seperti nasib orang-orang Yahudi (Bani Qaynuqa') yang tidak lama sebelum mereka yang telah merasa akibat buruk dari perbuatan mereka. Dan untuk mereka disediakan 'azab yang amat pedih(15)."

كَمَثَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ إِذْ قَالَ لِلْإِنسَٰنِ ٱكْفُرْ فَلَمَّا
كَفَرَ قَالَ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّنكَ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ رَبَّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾
فَكَانَ عَٰقِبَتَهُمَآ أَنَّهُمَا فِى ٱلنَّارِ خَٰلِدَيْنِ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ

جَزَٰٓؤُاْ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٧

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَلۡتَنظُرۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ لِغَدٖۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ ١٨

وَلَا تَكُونُواْ كَٱلَّذِينَ نَسُواْ ٱللَّهَ فَأَنسَىٰهُمۡ أَنفُسَهُمۡۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ١٩

لَا يَسۡتَوِيٓ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِ وَأَصۡحَٰبُ ٱلۡجَنَّةِۚ أَصۡحَٰبُ ٱلۡجَنَّةِ هُمُ ٱلۡفَآئِزُونَ ٢٠

"(Pujukan kaum Munafiqin itu) sama seperti pujukan syaitan yang berkata kepada manusia: Kafirlah engkau. Dan apabila manusia itu menjadi kafir ia berkata: Aku tidak ada apa-apa hubungan dengan engkau, kerana aku sebenarnya takut kepada Allah Tuhan semesta alam(16). Maka kesudahan mereka ialah kedua-duanya dimasukkan ke dalam Neraka dan kekal di dalamnya. Itulah balasan orang-orang yang zalim(17). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah. Dan setiap orang hendaklah memikirkan apakah yang telah disediakannya untuk hari esok (Akhirat), bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(18). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah lupakan Allah, lalu Allah jadikan mereka lupakan diri mereka sendiri. Merekalah orang-orang yang fasiq(19). Tidaklah sama penghuni-penghuni Neraka dengan penghuni-penghuni Syurga. Penghuni-penghuni Syurga itulah orang-orang yang beruntung(20)."

لَوۡ أَنزَلۡنَا هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ عَلَىٰ جَبَلٖ لَّرَأَيۡتَهُۥ خَٰشِعٗا مُّتَصَدِّعٗا مِّنۡ خَشۡيَةِ ٱللَّهِۚ وَتِلۡكَ ٱلۡأَمۡثَٰلُ نَضۡرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَتَفَكَّرُونَ ٢١

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِۖ هُوَ ٱلرَّحۡمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ٢٢

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡمَلِكُ ٱلۡقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلۡمُؤۡمِنُ ٱلۡمُهَيۡمِنُ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡجَبَّارُ ٱلۡمُتَكَبِّرُۚ سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ٢٣

هُوَ ٱللَّهُ ٱلۡخَٰلِقُ ٱلۡبَارِئُ ٱلۡمُصَوِّرُۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰۚ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٢٤

"Dan sekiranya Kami turunkan Al-Qur'an ini di atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu tunduk patuh dan pecah terbelah kerana takut kepada Allah. Itulah perumpamaan-perumpamaan yang Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir(21). Dialah Allah, tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata. Dialah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih(22). Dialah Allah tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia Pemilik Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera, Pengurnia Keamanan Yang Maha Agung, Penaung Yang Maha Agung, Yang Maha Perkasa, Penguasa Yang Maha Agung, Pemilik Kebesaran Yang Maha Agung. Maha Sucilah Allah dari segala sesuatu yang dipersekutukan mereka(23). Dialah Allah Pencipta Yang Maha Agung, Pelaksana Yang Maha Agung dan Pembentuk rupa Yang Maha Agung yang mempunyai nama-nama yang paling indah. Segala isi langit dan bumi sentiasa bertasbih memuji-Nya, dan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(24)."

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini diturunkan kerana peristiwa Bani an-Nadhir - salah satu suku Yahudi yang berlaku di dalam tahun yang keempat Hijrah. Ia memerikan bagaimana dan mengapa peristiwa itu berlaku? Di samping menerangkan beberapa peraturan dalam kelompok Muslimin yang diadakan selepas peristiwa itu. Semuanya diceritakan mengikut gaya istimewa Al-Qur'an. Begitu juga surah ini memberi ulasan-ulasannya di atas kejadian-kejadian dan peraturan-peraturan itu mengikut cara Al-Qur'an dalam usaha mendidik kelompok Muslimin dengan didikan yang hidup melalui peristiwa-peristiwa, bimbingan-bimbingan dan ulasan-ulasan.

Sebelum kami bentangkan nas-nas Al-Qur'an di dalam surah ini, kami paparkan sebahagian dari keterangan yang disebut oleh berbagai-bagai riwayat mengenai petistiwa yang menyebabkan turunnya surah ini supaya kita dapat melihat keistimewaan cara pembentangan Al-Qur'an dan kejauhan jangkauannya di sebalik peristiwa-peristiwa yang menjadi sebab turunnya nas-nas itu. Ia mencakupi segala kehendak peristiwa-peristiwa itu dan menjangkau di sebalik peristiwa-peristiwa itu dan di sekelilingnya dalam bidang-bidang yang lebih luas dan syumul dari segala kehendak peristiwa-peristiwa yang dibatasi zaman dan tempat itu.

Peperangan Bani an-Nadhir telah berlaku pada awal tahun yang keempat Hijrah selepas Peperangan Uhud dan sebelum Peperangan Ahzab. Di antara keterangan-keterangan mengenai peperangan ini ialah Rasulullah s.a.w. telah pergi bersama-sama sepuluh orang sahabat besarnya termasuk Abu Bakr, 'Umar dan Ali r.'anhum ke kawasan kediaman suku Bani an-Nadhir untuk meminta mereka berkongsi membayar diat dua orang yang terbunuh mengikut kehendak perjanjian yang telah dimeterai di antara

beliau dengan mereka ketika mula-mula beliau tiba di Madinah tempoh hari. Kedatangan beliau telah disambut oleh suku Bani an-Nadhir dengan penuh keraian dan sukacita. Mereka telah berjanji untuk membayar bahagian diat yang terkena ke atas mereka, dan serentak itu juga mereka merancang untuk membunuh Rasulullah s.a.w. dan rombongannya. Di waktu itu Rasulullah s.a.w. duduk bersandar di dinding rumah mereka. Mereka berbincang satu, sama lain, "Kamu tidak akan jumpai lelaki ini duduk seperti ini. Siapakah di antara kamu yang sanggup naik ke atas rumah dan menggugurkan batu ke atasnya supaya ia dapat merehatkan kita darinya?"

Kemudian tugas itu telah disanggupi oleh 'Amr ibn Jihasy ibn Ka'b. Dia berkata: "Aku sanggup melakukannya, dan dia terus naik ke atas rumah itu untuk menggugurkan batu ke atas Rasulullah s.a.w. Lalu Rasulullah s.a.w. diberi ilham tentang rancangan jahat yang sedang diatur mereka. Beliau terus bangkit meninggalkan tempat itu untuk sesuatu urusan. Apabila beliau menghilang diri, para sahabat yang datang bersama beliau merasa pemergiannya agak lama, lalu mereka pun keluar dari kampung itu untuk mencari beliau. Kemudian mereka dapat tahu beliau telah masuk ke kota Madinah.

Kemudian Rasulullah s.a.w. memerintah supaya mengadakan persediaan untuk memerangi Bani an-Nadhir yang telah memperlihatkan sikap khianat dan pencabulan terhadap perjanjian damai yang telah dimeteraikan di antara beliau dengan mereka. Sebelum ini Ka'b ibn al-Asyraf dari Bani an-Nadhir juga telah menaburkan fitnah melalui sajak-sajak yang menghinakan Rasulullah s.a.w. dan menghasut musuh-musuhnya supaya memerangi beliau. Cerita-cerita mengenai Ka'b dan satu rombongan dari Bani an-Nadhir juga telah mengadakan hubungan dan pakatan sulit dengan orang-orang kafir Quraysy untuk menentang Rasulullah s.a.w. walaupun telah dimeteraikan perjanjian di antara beliau dengan mereka telah mendorong Rasulullah s.a.w. membenarkan Muhammad ibn Maslamah membunuh Ka'b ibn al-Asyraf, dan dia telah membunuhnya.

Apabila berlaku rancangan khianat terhadap Rasulullah s.a.w. di kampung Bani an-Nadhir, maka tidak ada jalan lain melainkan hanya mencampakkan perjanjian damai itu kepada mereka menurut prinsip Islam:

وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوْمٍ خِيَانَةً فَانۢبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَآءٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْخَآئِنِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan jika engkau bimbang pengkhianatan dari suatu kaum, maka campakkanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang saksama. Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan khianat."

(Surah al-Anfal: 58)

Lalu Rasulullah s.a.w. mengadakan persediaan perang dan mengepung kawasan kediaman Bani an-Nadhir. Beliau memberi tempoh tiga hari kepada mereka, dan kata setengah riwayat sepuluh hari, supaya mereka meninggalkan kawasan itu. Di samping itu mereka dibenarkan mengambil harta benda mereka dan melantikkan wakil-wakil mereka untuk menjaga kebun-kebun dan ladang-ladang mereka, tetapi golongan Munafiqin yang diketuai oleh Abdullah ibn Ubai ibn Salul telah menghantar utusan kepada mereka supaya menolak tuntutan itu dan terus melawan. Golongan Munafiqin itu telah memberi kata yang tegas kepada mereka, "Jika kamu tetap dengan pendirian kamu dan sanggup bertahan, maka kami tidak akan menyerahkan kamu. Dan jika kamu diperangi, kami tetap berperang bersama kamu, dan jika kamu diusir keluar, kami tetap keluar bersama kamu." Hal ini telah diterangkan Allah dengan firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ نَافَقُوا۟ يَقُولُونَ لِإِخْوَٰنِهِمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نُطِيعُ فِيكُمْ أَحَدًا أَبَدًا وَإِن قُوتِلْتُمْ لَنَنصُرَنَّكُمْ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١١﴾

لَئِنْ أُخْرِجُوا۟ لَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِن قُوتِلُوا۟ لَا يَنصُرُونَهُمْ وَلَئِن نَّصَرُوهُمْ لَيُوَلُّنَّ ٱلْأَدْبَٰرَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٢﴾

لَأَنتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِى صُدُورِهِم مِّنَ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٣﴾

"Tidakkah engkau memperhatikan orang-orang Munafiq yang berkata kepada saudara-saudara mereka yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab: Jika kamu diusir keluar, nescaya kami akan tetap keluar bersama kamu. Dan kami selama-lamanya tidak akan tunduk kepada sesiapa pun yang bertujuan menentang kamu. Dan jika kamu diperangi, kami tetap akan membantu kamu. Dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya mereka adalah para pendusta(11). Jika mereka (kaum Yahudi) diusir keluar, mereka tidak akan turut keluar bersama mereka, dan jika mereka diperangi, mereka tidak akan membantu mereka, dan jika mereka membantu mereka, mereka akan berpaling lari ke belakang kemudian mereka (kaum Yahudi) tidak akan mendapat bantuan(12). Sesungguhnya kamu di dalam hati mereka lebih ditakuti mereka dari Allah. Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak mengerti."(13)

Kemudian orang-orang Yahudi itu bertahan di dalam kubu-kubu mereka, lalu Rasulullah s.a.w. memerintah supaya di tebang pokok-pokok kurma mereka dan membakarnya. Mereka menyeru beliau: "Wahai Muhammad! Engkau telah melarang membuat kerosakan dan engkau mencelakakan mereka yang melakukan kerosakan itu, tetapi mengapa sekarang engkau sendiri menebang dan membakar pokok kurma?" Sebagai jawapan kepada mereka, Allah telah menurunkan ayat:

مَا قَطَعْتُم مِّن لِّينَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَآئِمَةً عَلَىٰٓ أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ ٱللَّهِ وَلِيُخْزِيَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٥﴾

"Apa sahaja yang kamu tebang dari pokok kurma yang baik (milik orang-orang Yahudi yang kafir itu) atau kamu biarkannya tegak di atas umbi-umbinya (tidak ditebang), maka semuanya dengan keizinan dari Allah. Dan supaya (dengan keizinan itu) Allah menimpakan kehinaan ke atas orang-orang yang fasiq."(5)

Apabila kepungan itu berlangsung sampai dua puluh enam malam, kaum Yahudi pun berputus asa dari mendapat bantuan yang dijanjikan oleh kaum Munafiqin kepada mereka. Allah telah mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka, lalu mereka memohon kepada Rasulullah s.a.w. supaya membenarkan mereka keluar dari kampung itu dan memelihara darah mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada Bani Qaynuqa' (kami telah menerangkan sebab-sebab dan suasana-suasana peristiwa ini di dalam tafsir Surah al-Ahzab juzu' yang kedua puluh satu) serta membenarkan mereka membawa harta benda mereka yang dapat dibawa oleh unta kecuali alat-alat senjata. Permintaan mereka telah dipersetujui Rasulullah s.a.w., lalu mereka pun membawa harta benda mereka yang dapat dibawa oleh unta-unta. Di antara mereka ada yang merobohkan rumah mereka untuk mengambil kayu pintunya dan dimuatkan di atas belakang untanya, dan ada pula yang meruntuhkan rumahnya supaya tidak jatuh ke tangan orang-orang Islam, sementara orang-orang Islam pula telah bertindak meruntuh dan merobohkan setengah-setengah tembok yang telah dijadikan kubu-kubu pada hari kepungan itu.

Hal ini telah diperikan Allah di dalam ayat:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَخْرَجَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ مِن دِيَٰرِهِمْ لِأَوَّلِ ٱلْحَشْرِ ۚ مَا ظَنَنتُمْ أَن يَخْرُجُواْ ۖ وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مَّانِعَتُهُمْ حُصُونُهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَأَتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُواْ ۖ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعْبَ ۚ يُخْرِبُونَ بُيُوتَهُم بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي ٱلْمُؤْمِنِينَ فَٱعْتَبِرُواْ يَٰٓأُوْلِي ٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٢﴾

وَلَوْلَآ أَن كَتَبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِمُ ٱلْجَلَآءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَهُمْ فِي ٱلْءَاخِرَةِ عَذَابُ ٱلنَّارِ ﴿٣﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ شَآقُّواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ ۖ وَمَن يُشَآقِّ ٱللَّهَ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٤﴾

"Dialah yang telah mengusir keluar orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab (Yahudi Bani an-Nadhir) dari kampung-kampung kediaman mereka bagi kali pertama pengumpulan dan pengusiran (mereka dari Semenanjung Tanah Arab). Kamu (wahai orang-orang Mu'min!) sama sekali tidak menyangka mereka akan keluar begitu, dan mereka juga menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah. Lalu datanglah serangan Allah ke atas mereka dari arah yang tidak terfikir oleh mereka dan Allah telah mencampakkan ketakutan di dalam hati mereka. Mereka merobohkan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang-orang Mu'min. Oleh itu, ambillah pengajaran (dari peristiwa ini) wahai orang-orang yang mempunyai akal fikiran!(2). Dan jika tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran terhadap mereka, nescaya Allah 'azabkan mereka di dunia (dengan pembunuhan), dan untuk mereka di Akhirat disediakan 'azab Neraka(3). Balasan sedemikian ialah kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa yang menentang Allah, maka sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya."(4)

Di antara mereka ada yang menuju ke Khaybar dan ada pula yang menuju ke negeri Syam. Di antara pembesar-pembesar mereka yang menuju ke Khaybar ialah Salam ibn Abu al-Haqiq, Kinanah ibn ar-Rabi' ibn Abu al-Haqiq dan Hayyu ibn Akhtab. Mereka adalah dari orang-orang yang disebut selepas peristiwa itu sebagai tokoh-tokoh yang berusaha mengembleng kaum Musyrikin untuk memerangi kaum Muslimin di dalam Peperangan al-Ahzab dan pertempuran Bani Qurayzah (di dalam Surah al-Ahzab), begitu juga setengah dari mereka disebut dalam peristiwa penaklukan Khaybar (di dalam Surah al-Fath).

Harta benda Bani an-Nadhir telah menjadi harta fai'i yang bersih[1] untuk Allah dan Rasul-Nya. Harta itu diperolehi tanpa orang-orang Islam memecut seekor kuda dan seekor unta pun. Kerana itu Rasulullah s.a.w. telah membahagikan harta-harta itu kepada orang-orang Muhajirin sahaja dan tidak kepada orang-orang Ansar melainkan kepada dua orang Ansar yang miskin sahaja. Mereka ialah Sahl ibn Hanif dan Abu Dujanah Simak ibn Kharasyah. Ini disebabkan kerana orang-orang Muhajirin tidak mempunyai harta benda setelah mereka tinggalkan harta kekayaan mereka di Makkah dan membebaskan diri mereka dari seluruh harta itu untuk menyelamatkan 'aqidah mereka. Orang-orang Ansar telah menempatkan mereka di rumah-rumah mereka dan mengongsikan harta benda mereka dengan

---

[1] فيئاً خالصاً

semangat budiman yang amat tinggi, semangat persaudaraan yang tulen dan semangat mementingkan kebajikan orang lain yang amat mena'jubkan. Oleh itu, apabila peluang ini terbuka, Rasulullah s.a.w. dengan segera menegakkan kedudukan-kedudukan normal masyarakat Islam itu supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di sekitar golongan hartawan sahaja. Beliau tidak memberikan harta rampasan itu kepada orang-orang Ansar kecuali dua orang sahaja yang berhak menerimanya kerana kemiskinan mereka.

Ada setengah-setengah orang mengkritik cara pembahagian harta fai'i Bani an-Nadhir itu. Menurut riwayat yang kuat mereka yang mengkritik itu adalah orang-orang Munafiq, kerana itu Allah menjawab:

وَمَآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْهُمْ فَمَآ أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهُۥ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

"Dan apa sahaja harta fai'i yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dari harta mereka, maka harta itu diperolehi tanpa kamu memecutkan seekor kuda dan tidak pula seekor unta pun tetapi Allah telah menguatkuasakan para rasul-Nya mengalahkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(6)

Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada orang-orang Ansar.

((إن شئتم قسمتم للمهاجرين من أموالكم و دياركم وشاركتموهم في هذه الغنيمة. وإن شئتم كانت لكم دياركم وأموالكم ، ولم يقسم لكم شيء من الغنيمة))، فقالت الأنصار: بل نقسم من أموالنا وديارنا ونؤثرهم بالغنيمة ولا نشاركهم فيها

"Jika kamu suka, kamu boleh bahagikan harta kamu dan rumah-rumah kamu kepada orang-orang Muhajirin dan berkongsi dengan mereka di dalam pembahagian harta rampasan itu. Dan jika kamu suka kamu boleh kekal memiliki rumah-rumah kamu dan harta kamu tetapi harta rampasan ini tidak dibahagikan kepada kamu." Jawab orang-orang Ansar: Bahkan kami mahu bahagikan harta dan rumah-rumah kami kepada mereka dan kami mengutamakan pembahagian harta rampasan itu kepada mereka sahaja dan kami tidak mahu berkongsi dengan mereka dalam pembahagian harta itu".

Hal ini telah diterangkan oleh Allah:

لِلْفُقَرَآءِ ٱلْمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأَمْوَٰلِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿٨﴾

وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَٰنَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُوا۟ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

"(Harta fai'i itu) juga untuk orang-orang Muhajirin yang faqir yang telah diusirkan dari kampung halaman mereka dan dari harta benda mereka kerana mencari limpah kurnia dan keredhaan Allah. Mereka menolong Allah dan Rasul-Nya. Merekalah orang-orang yang benar-benar beriman(8). Juga untuk orang-orang (Ansar) yang menetap dalam negeri Hijrah dan dalam keimanan sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin). Mereka sayangkan orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka. Dan mereka tidak menaruh apa-apa keinginan di dalam hati mereka terhadap apa sahaja yang diberikan kepada mereka (Muhajirin), dan mereka mengutamakan kepentingan orang-orang Muhajirin dari kepentingan diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kepicikan. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari kebakhilan dirinya, maka merekalah orang-orang yang beruntung."(9)

******

Inilah peristiwa yang menjadi sebab turunnya surah ini. Semua ayat-ayatnya berkaitan dengan peristiwa itu termasuk ayat penamat surah ini yang ditujukan kepada orang-orang Mu'min yang menyaksi peristiwa ini dan kepada orang-orang Mu'min yang mengetahuinya selepas itu, iaitu mengikut cara Al-Qur'an mendidik manusia dengan peristiwa-peristiwa dan ulasan-ulasan yang berkaitan dengannya, juga menghubungkan peristiwa-peristiwa itu dengan hakikat-hakikat umum yang agung. Di akhir surah ini penjelasan ditekankan tentang sifat-sifat Allah yang menyeru orang-orang yang beriman dan menghadapkan Al-Qur'an kepada mereka, iaitu sifat-sifat zat yang positif yang melahirkan kesan di dalam alam buana ini. Kefahaman yang benar terhadap hakikat sifat-sifat inilah menjadi asas yang menegakkan keimanan yang sedar, mengerti dan jauh pandangan.

Surah ini dimulai dan diakhiri dengan tasbih kepada Allah yang memiliki segala isi langit dan bumi. Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana. Dengan ini wujudlah keselarasan permulaan dan penghabisan dengan maudhu' surah ini dan dengan maksud da'wah yang menyeru orang-orang Mu'min kepada taqwa, khusyu' dan kepada usaha memikirkan pentadbiran Allah Yang Maha Bijaksana.

Sekarang marilah kita ikuti nas-nas Al-Qur'an untuk melihat bagaimana nas-nas itu menggambarkan kejadian-kejadian itu dan mendidik manusia dengannya.

******

(Pentafsiran ayat 1)

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ١

"Segala kejadian yang ada di langit dan segala kejadian yang ada di bumi semuanya bertasbih memuji Allah Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(1)

Dengan hakikat yang telah berlaku dan wujud di alam buana, iaitu hakikat seluruh kejadian di langit dan di bumi bertasbih memuji Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan tanzih dan tamjid inilah dimulakan surah ini, yang mengisahkan cerita bagaimana Allah mengusir keluar orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dari kampung kediaman mereka dan menyerahkan kampung itu kepada orang-orang yang beriman kepada-Nya, yang bertasbih dan bertahmid dan mengagung-agungkan nama-Nya yang paling indah. **"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"**, Maha Gagah, Maha Kuasa untuk menolong hamba-hamba kesayangan-Nya dan menghancurkan musuh-musuh-Nya dan Maha Bijaksana dalam segala tadbir dan perencanaan-Nya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 4)

Peristiwa Pengusiran Bani An-Nadhir Dari Madinah

Kemudian Al-Qur'an mencerita peristiwa yang menyebabkan turunnya surah ini:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَخۡرَجَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ مِن دِيَٰرِهِمۡ لِأَوَّلِ ٱلۡحَشۡرِۚ مَا ظَنَنتُمۡ أَن يَخۡرُجُواْۖ وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مَّانِعَتُهُمۡ حُصُونُهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَأَتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِنۡ حَيۡثُ لَمۡ يَحۡتَسِبُواْۖ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعۡبَۚ يُخۡرِبُونَ بُيُوتَهُم بِأَيۡدِيهِمۡ وَأَيۡدِي ٱلۡمُؤۡمِنِينَ فَٱعۡتَبِرُواْ يَٰٓأُوْلِي ٱلۡأَبۡصَٰرِ ٢

وَلَوۡلَآ أَن كَتَبَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡجَلَآءَ لَعَذَّبَهُمۡ فِي ٱلدُّنۡيَاۖ وَلَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ عَذَابُ ٱلنَّارِ ٣

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ شَآقُّواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥۖ وَمَن يُشَآقِّ ٱللَّهَ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٤

"Dialah yang telah mengusir keluar orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab (Yahudi Bani an-Nadhir) dari kampung-kampung kediaman mereka bagi kali pertama pengumpulan dan pengusiran (mereka dari Semenanjung Tanah Arab). Kamu (wahai orang-orang Mu'min!) sama sekali tidak menyangka mereka akan keluar begitu, dan mereka juga menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah. Lalu datanglah serangan Allah ke atas mereka dari arah yang tidak terfikir oleh mereka, dan Allah telah mencampakkan ketakutan di dalam hati mereka. Mereka merobohkan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang-orang Mu'min. Oleh itu ambillah pengajaran (dari peristiwa ini) wahai orang-orang yang mempunyai akal fikiran!(2). Dan jika tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran terhadap mereka, nescaya Allah 'azabkan mereka di dunia (dengan pembunuhan) dan untuk mereka di Akhirat disediakan 'azab Neraka(3). Balasan sedemikian ialah kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa yang menentang Allah, maka sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya."(4)

Dari ayat-ayat ini kita mengetahui bahawa Allahlah yang mengusir keluar orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dari kampung kediaman mereka selaku pengusiran pertama kali. Memang Allahlah yang melakukan segala sesuatu, tetapi ungkapan ayat-ayat tadi menjelaskan hakikat ini dalam bentuk secara langsung yang membuat hati merasa bahawa Allah sendiri yang telah menguruskan pengusiran itu tanpa melindungkan qudrat kuasa-Nya di sebalik tabir tindakan manusia. Dialah sendiri yang mengusirkan mereka dari bumi tempat mereka dikumpulkan, dan mereka tidak akan pulang lagi ke bumi itu.

Al-Qur'an menegaskan bahawa pengusiran itu merupakan tindakan secara langsung dari Allah dengan ayat berikut:

مَا ظَنَنتُمۡ أَن يَخۡرُجُواْۖ وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُم مَّانِعَتُهُمۡ حُصُونُهُم مِّنَ ٱللَّهِ

"Kamu (wahai orang-orang Mu'minin!) sama sekali tidak menyangka mereka akan keluar begitu, dan mereka juga menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat mempertahankan mereka dari 'azab Allah."(2)

Kamu tidak menduga mereka akan keluar dan mereka juga tidak terfikir bahawa mereka akan terusir keluar, kerana mereka berada dalam kedudukan yang teguh dan kuat dalam benteng-benteng mereka hingga kamu tidak menduga dapat mengeluarkan mereka sebagaimana mereka telah dikeluarkan dan hingga mereka tertipu dengan kedudukan mereka yang kuat sampai terlupa kepada qudrat Allah yang tidak mungkin ditolak oleh benteng-benteng yang kukuh itu.

فَأَتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِنۡ حَيۡثُ لَمۡ يَحۡتَسِبُواْۖ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلرُّعۡبَۚ

"Lalu datanglah serangan Allah ke atas mereka dari arah yang tidak terfikir oleh mereka, dan Allah telah mencampakkan ketakutan di dalam hati mereka."(2)

Serangan Allah ke atas mereka datang dari dalam hati mereka sendiri bukan dari dalam benteng-benteng mereka. Serangan itu datang dalam bentuk ketakutan yang dicampakkan di dalam hati mereka menyebabkan mereka membuka benteng-benteng mereka dengan tangan mereka sendiri. Allah menunjukkan kepada mereka bahawa mereka tidak memiliki diri mereka sendiri, tidak mampu mengawal hati mereka sendiri. Mereka tidak dapat mempertahankan diri mereka dari serangan Allah dengan kemahuan dan keazaman mereka, apatah lagi untuk mempertahankan diri mereka dengan bangunan-bangunan dan kubu-kubu mereka. Mereka memperhitungkan segala kemungkinan untuk menolak serangan kecuali kemungkinan datangnya serangan itu dari dalam diri mereka sendiri. Inilah arah kemungkinan yang tidak terfikir oleh mereka, sedangkan dari arah inilah Allah menyerang mereka. Demikianlah apabila Allah menghendaki sesuatu. Dia bertindak ke atasnya dari arah yang diketahui dan direncanakan oleh-Nya. Oleh kerana Allah mengetahui segala sesuatu dan berkuasa di atas segala sesuatu, maka Dia tidak perlu kepada sebarang sebab dan sarana yang biasa diketahui dan dipandang manusia. Sebab selama-lamanya wujud, dan sarana juga selama-lamanya tersedia, sedangkan sebab dan natijah adalah dari hasil ciptaan Allah. Sarana dan matlamat itu adalah dari hasil ciptaan-Nya. Sebab dan natijah tidak akan enggan menurut perintah Allah, begitu juga sarana dan matlamat tidak akan menjadi sesuatu yang sukar kepada Allah kerana Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

Orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab telah mempertahankan diri mereka dalam benteng-benteng mereka yang kuat, tiba-tiba Allah menyerang mereka dari arah yang tidak terfikir oleh mereka dan mencampakkan ketakutan di dalam hati mereka. Mereka bertahan di dalam bangunan rumah-rumah mereka, tiba-tiba Allah menguasai rumah-rumah mereka dan menjadikan mereka merobohkannya dengan tangan mereka sendiri dan memungkinkan orang-orang Islam turut merobohkannya:

يُخۡرِبُونَ بُيُوتَهُم بِأَيۡدِيهِمۡ وَأَيۡدِي ٱلۡمُؤۡمِنِينَ

"Mereka merobohkan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang-orang Mu'min."(2)

Dengan keterangan ini tamatlah kisah pengusiran yang berlaku kepada orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab yang digambarkan dengan begitu menarik dan hidup iaitu Allah S.W.T. menyerang mereka dari belakang benteng mereka menyebabkan benteng-benteng itu jatuh dengan sebab perbuatan mereka sendiri, kemudian mereka menambahkan pula dengan merobohkan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang-orang Mu'min.

Di sini Al-Qur'an mengemukakan ulasannya yang pertama:

فَٱعۡتَبِرُواْ يَٰٓأُوْلِي ٱلۡأَبۡصَٰرِ ٢

"Oleh itu, ambillah pengajaran (dari peristiwa ini) wahai orang-orang yang mempunyai akal fikiran!"(2)

Seruan ini sesuai dengan tempatnya dan tepat dengan masanya iaitu ketika hati mereka bersedia dan terbuka untuk mengambil pengajaran.

Ayat yang berikut menjelaskan bahawa iradat Allah untuk menyeksakan mereka tidak akan melepaskan mereka dari keseksaan di dunia di samping 'azab yang menunggu mereka di alam Akhirat:

وَلَوۡلَآ أَن كَتَبَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡجَلَآءَ لَعَذَّبَهُمۡ فِي ٱلدُّنۡيَاۖ وَلَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ عَذَابُ ٱلنَّارِ ٣

"Dan jika tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran terhadap mereka, nescaya Allah 'azabkan mereka di dunia (dengan pembunuhan), dan untuk mereka di Akhirat disediakan 'azab Neraka."(3)

Satu perkara yang telah diputuskan ialah mereka akan ditimpa keseksaan dari Allah dalam bentuk yang telah berlaku kepada mereka atau dalam satu bentuk yang lain. Jika tidak kerana Allah telah memilih pengusiran itu untuk menyeksakan mereka nescaya Dia akan seksakan mereka dengan satu 'azab yang lain pula. Ini tidak termasuk 'azab Neraka yang menunggu mereka di Akhirat.

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ شَآقُّواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥۖ وَمَن يُشَآقِّ ٱللَّهَ فَإِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٤

"Balasan sedemikian ialah kerana mereka menentang Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa yang menentang Allah, maka sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya."(4)

Penentangan mereka terhadap Allah ialah mereka tidak memilih pihak Allah, malah memilih pihak yang lain dari-Nya, sedangkan Allah telah menetapkan bahawa pihaknya ialah pihak Rasul-Nya ketika Allah menerangkan sebab-sebab mengapa mereka wajar menerima 'azab itu pada permulaan ayat ini. Oleh sebab itu pada akhir ayat ini Allah hanya berpada dengan menyebut menentang Allah sahaja, kerana perbuatan menentang Allah merangkumi penentangan terhadap Rasulullah. Kemudian di dalam satu segi yang lain supaya orang-orang yang menentang Allah dengan keangkuhan yang keji itu berdiri di hadapan Allah iaitu satu situasi yang menggambarkan keangkuhan dan sikap yang keji, di mana makhluk-makhluk berdiri menentang Allah yang menciptakan mereka. Situasi itu juga amat menggerunkan, di mana makhluk-makhluk yang kerdil dan lemah ini akan terdedah kepada kemurkaan dan balasan Allah, sedangkan Allah amat keras hukuman-Nya.

Demikianlah tertanamnya di dalam hati kita hakikat untung nasib penentang-penentang Allah di mana-mana tempat dan waktu berdasarkan untung nasib yang telah menimpa orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab, dan berdasarkan perbuatan mereka yang mewajarkan mereka menerima balasan itu.

Kita dapat perhatikan bahawa Al-Qur'an menamakan kaum Yahudi dari Bani an-Nadhir sebagai **"Orang-orang yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab."** Ini adalah satu hakikat yang benar kerana mereka tidak percaya kepada agama Allah dalam bentuknya yang paling tinggi yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w., sedangkan mereka menunggu-nunggu dan mengharap-harapkan kedatangannya. Sifat kekufuran yang disebutkan itu juga membawa penjelasan mengapa mereka di'azabkan Allah, di samping menyediakan perasaan kaum Muslimin terhadap kaum Ahlil-Kitab itu dari aspek spiritual yang dapat menenangkan hati orang-orang Islam yang telah bertindak terhadap mereka, dan menimpa-kan 'azab seksa ke atas mereka melalui tangan mereka. Oleh itu, sebutan hakikat itu di sini memang dimaksudkan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 5)

Kemudian Al-Qur'an menenangkan hati orang-orang Mu'min bahawa tindakan yang dilakukan mereka terhadap orang-orang kafir yang telah menentang Allah dan Rasul-Nya adalah satu tindakan yang betul, begitu juga tindakan mereka yang telah menebang pokok-pokok kurma mereka dan membakarkannya atau membiarkan setengah-setengah pokok yang lain tanpa di tebang di samping menerangkan hukum Allah terhadap tindakan itu. Ini disebabkan adanya sedikit perasaan tidak senang di dalam hati setengah-setengah orang Islam terhadap tindakan itu:

مَا قَطَعْتُم مِّن لِّينَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَآئِمَةً عَلَىٰٓ أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ ٱللَّهِ وَلِيُخْزِىَ ٱلْفَٰسِقِينَ ۝٥

"Apa sahaja yang kamu tebang dari pokok kurma yang baik (milik orang-orang Yahudi yang kafir itu) atau kamu biarkannya tegak di atas umbi-umbinya (tidak ditebang), maka semuanya dengan keizinan dari Allah. Dan supaya (dengan keizinan itu) Allah menimpakan kehinaan ke atas orang-orang yang fasiq."(5)

Orang-orang Islam telah bertindak menebang setengah-setengah pokok kurma yang baik dan mengekalkan setengah-setengah pokok yang lain yang dimiliki oleh orang-orang Yahudi itu. Tindakan ini menimbulkan perasaan tidak senang di dalam hati mereka, kerana sebelum peristiwa ini dan selepasnya mereka memang dilarang melakukan pemusnahan dan pembakaran yang seperti itu. Oleh itu, pengecualian ini memerlukan kepada satu penjelasan yang khusus yang boleh menenangkan hati mereka. Kerana itulah Al-Qur'an membawa penjelasan ini untuk menerangkan bahawa tindakan mereka sama ada menebang pokok-pokok itu atau mengekalkannya adalah dengan keizinan Allah. Dialah sendiri yang mengaturkan tindakan itu dan melaksanakan apa yang dikehendaki-Nya dan apa yang telah ditetapkan oleh-Nya. Semua yang berlaku itu adalah dengan keizinan-Nya dengan tujuan untuk menghinakan orang-orang yang fasiq. Pokok-pokok yang di tebang itu telah menimbulkan rasa sedih dan sayang di dalam hati kaum Yahudi, sedangkan pokok yang ditinggalkan tanpa ditebang itu juga telah menimbulkan rasa sedih dan sayang di dalam hati mereka kerana melihat pokok-pokok itu terlepas dari milik mereka. Semuanya itu berlaku dengan kehendak iradat Allah belaka.

Dengan penjelasan ini tenanglah hati orang-orang Mu'min yang merasa ragu-ragu dan tidak senang terhadap tindakan itu. Mereka kini tenang kerana sedar bahawa tindakan itu adalah dari kehendak iradat Allah. Dia melaku-kan apa yang dikehendaki-Nya, sedangkan mereka tidak lebih dari alat untuk melaksanakan kehendak iradat-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 10)

Hukum Pembahagian Harta Fai'i Dan Harta Ghanimah

Bahagian yang kedua dari surah ini ialah menjelaskan hukum harta fai'i[2] yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dalam peristiwa itu dan dalam peristiwa-peristiwa yang sama, yang tidak melibatkan orang-orang Islam dalam apa-apa tindakan berperang dan bertempur, iaitu peristiwa-peristiwa serangan yang diatur oleh qudrat Ilahi secara terbuka dan langsung tanpa berselindung di sebalik tindakan manusia seperti yang telah berlaku di dalam peristiwa ini:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ۝٧

لِلْفُقَرَآءِ ٱلْمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأَمْوَٰلِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ۝٨

---

[2] *Fai'i harta-harta orang kafir yang diperolehi tanpa melalui pertempuran.*

وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَٰنَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُوا۟ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾ وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

"Dan apa sahaja harta fai'i yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dari harta penduduk negeri-negeri musuh, maka harta itu adalah untuk Allah, untuk Rasul, untuk kaum kerabatnya, untuk anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang putus kewangannya dalam persafiran supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di antara orang-orang yang kaya sahaja di dalam kalangan kamu. Apa sahaja yang disuruhkan Rasul kepada kamu, maka kerjakannya dan apa sahaja yang dilarangkannya kepada kamu, maka jauhkannya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya(7). (Harta fai'i itu) juga untuk orang-orang Muhajirin yang faqir yang telah diusirkan dari kampung halaman mereka dan dari harta benda mereka kerana mencari limpah kurnia dan keredhaan Allah. Mereka menolong Allah dan Rasul-Nya. Merekalah orang-orang yang benar-benar beriman(8). Juga untuk orang-orang (Ansar) yang menetap dalam negeri Hijrah dan dalam keimanan sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin). Mereka sayangkan orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka. Dan mereka tidak menaruh apa-apa keinginan di dalam hati mereka terhadap apa sahaja yang diberikan kepada mereka (Muhajirin), dan mereka mengutamakan kepentingan orang-orang Muhajirin dari kepentingan diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kepicikan. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari kebakhilan dirinya, maka merekalah orang-orang yang beruntung(9). Juga untuk orang-orang yang datang selepas mereka (Muhajirin dan Ansar) yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkan kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami dan janganlah Engkau jadikan di dalam hati kami perasaan dendam terhadap orang-orang yang beriman.Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(10)

Ayat-ayat ini di samping menerangkan hukum Allah mengenai harta fai'i yang didapati di dalam peristiwa ini dan peristiwa-peristiwa yang sama, juga menerangkan keadaan dan kedudukan kelompok Muslimin pada masa itu, dan menjelaskan tabi'at umat Muslimin di sepanjang zaman dan ciri-ciri istimewa mereka yang menyatupadukan mereka di sepanjang zaman di dalam kalangan generasi-generasi mereka yang silih ganti di merata pelusuk dunia. Ciri-ciri ini merupakan satu hakikat agung yang harus dimenungi lama-lama dengan teliti dan mendalam.

وَمَآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْهُمْ فَمَآ أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهُۥ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

"Dan apa sahaja harta fai'i yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dari harta mereka, maka harta itu diperolehi tanpa kamu memecutkan seekor kuda dan tidak pula seekor unta pun tetapi Allah telah menguatkuasakan para rasul-Nya mengalahkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(6)

Ayat ini mengingatkan orang-orang Islam bahawa harta fai'i yang ditinggalkan oleh Bani an-Nadhir ini adalah diperolehi tanpa memecutkan seekor kuda dan seekor unta pun (tanpa pertempuran. Penterjemah), kerana itu hukumnya tidak sama dengan hukum harta rampasan perang (ghanimah) yang diberikan Allah kepada mereka sebanyak empat perlima dan hanya satu perlima sahaja diperuntukkan kepada Allah, kepadar, kepada kaum kerabat, kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada orang-orang yang kesempitan kewangan dalam persafiran. Rasulullah s.a.w. sendiri yang menguruskan pembahagian harta itu kepada pihak-pihak yang tersebut. Kaum kerabat yang dimaksudkan di sini ialah kaum kerabat Rasulullah s.a.w. kerana mereka tidak halal menerima sedekah, dan tidak mendapat habuan di dalam kumpulan harta zakat, juga kerana Nabi tidak diwarisi, oleh itu kaum kerabatnya tidak memperolehi apa-apa habuan dari hartanya. Dalam kalangan kerabat Rasulullah s.a.w. terdapat golongan yang miskin[3] yang tidak mempunyai punca pencarian, oleh itu mereka diperuntukkan satu perlima dari harta rampasan perang dan mereka juga diberi habuan dari kumpulan harta fai'i.

Inilah hukum harta fai'i yang dijelaskan oleh ayat-ayat ini, dan di samping itu ia juga menerangkan satu hakikat agung yang lain iaitu:

وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهُۥ عَلَىٰ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

"Tetapi Allah telah menguatkuasakan para rasul-Nya mengalahkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(6)

---

[3] *Di sana terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama' feqah, adakah kaum kerabat Rasulullah s.a. w. yang miskin sahaja yang berhak menerima habuan dari harta fai'i dan harta rampasan perang itu atau semua kerabatnya berhak menerima habuan itu. Pendapat yang kuat ialah semua kerabat berhak menerimanya.*

Para rasul itu sendiri merupakan sebahagian dari taqdir Allah untuk mengalahkan sesiapa yang dikehendaki-Nya, *"Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."*

Demikianlah kedudukan para rasul itu mempunyai hubungan secara langsung dengan taqdir Allah. Mereka mempunyai tempat yang tertentu di dalam roda taqdir yang sentiasa berputar itu. Walaupun mereka manusia, namun mereka mempunyai hubungan khusus dengan kehendak iradat Allah. Mereka diberikan peranan tertentu untuk melaksanakan perancangan dan taqdir Allah di bumi ini. Mereka bergerak dengan keizinan dan perancangan taqdir Allah, mereka tidak bergerak mengikut hawa nafsu mereka. Mereka tidak mengambil atau meninggalkan sesuatu untuk kepentingan mereka. Mereka tidak berperang atau berdamai melainkan untuk melaksanakan sebahagian dari perencanaan Allah di bumi ini yang dihubungkan dengan mereka, tindakan-tindakan dan pergerakan-pergerakan mereka. Dan Allah itulah yang bertindak di belakang mereka. Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

"Dan apa sahaja harta fai'i yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dari harta penduduk negeri-negeri musuh, maka harta itu adalah untuk Allah, untuk Rasul, untuk kaum kerabatnya, untuk anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang putus kewangannya dalam persafiran supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di antara orang-orang yang kaya sahaja di kalangan kamu. Apa sahaja yang disuruhkan Rasul kepada kamu, maka kerjakannya dan apa sahaja yang dilarangkannya kepada kamu, maka jauhkannya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya."(7)

Ayat ini menerangkan hukum harta fai'i yang telah Kami jelaskan sebelum ini dengan terperinci, kemudian ia menerangkan sebab mengapa harta itu dibahagi begitu di mana ia meletakkan satu dasar terpenting dari dasar-dasar peraturan sosioekonomi dalam masyarakat Islam:

كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ

"Supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja di kalangan kamu."(7)

Juga meletakkan satu dasar terpenting dalam undang-undang perlembagaan dalam masyarakat Islam:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

"Apa sahaja yang disuruhkan Rasul kepada kamu, maka kerjakannya dan apa sahaja yang dilarangkannya kepada kamu, maka jauhkannya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha keras hukuman-Nya."(7)

Walaupun kedua-dua dasar ini dikemukakan dalam hukum harta fai'i dan cara pembahagiannya, tetapi kedua-duanya menjangkau lebih jauh dari peristiwa itu. Kedua-duanya meliputi berbagai-bagai bidang yang merangkumi asas-asas sistem kemasyarakatan Islam.

Dasar pertama merupakan dasar peraturan ekonomi yang menggambar sebahagian besar dari prinsip-prinsip teori perekonomian di dalam Islam di mana prinsip hak milik perseorangan adalah dii'tiraf di dalam teori ini, tetapi prinsip ini dibataskan dengan dasar pertama ini, iaitu dasar supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di antara golongan hartawan sahaja dan tersekat dari beredar di kalangan orang-orang miskin. Setiap kedudukan ekonomi yang membawa harta kekayaan hanya beredar di antara orang-orang yang kaya sahaja itu, adalah bertentangan dengan teori perekonomian Islam di samping bertentangan dengan matlamat peraturan pembangunan kemasyarakatan seluruhnya. Seluruh perhubungan dan mu'amalah di dalam masyarakat Islam harus diatur dan disusun supaya tidak mewujudkan kedudukan yang seperti itu atau mengekal-kannya jika ia telah wujud.

Islam telah pun menegakkan sistem ekonominya di atas dasar ini, kerana itu ia mewajibkan zakat dan menetapkan kadar pungutannya setahun sebanyak 2.5% dari harta modal wang tunai, dan sebanyak sepuluh atau lima peratus dari semua hasil yang lain, dan kadar yang menyamai kadar itu juga dikenakan di atas harta ternakan. Dan menetapkan pungutan zakat ke atas harta rikaz (harta yang tertanam di bumi) seperti yang dikenakan ke atas harta wang tunai. Kadar-kadar yang ditetapkan itu memang besar. Kemudian ia menetapkan kadar empat perlima dari harta rampasan perang kepada para Mujahidin, sama ada miskin atau kaya. Sementara ia menetapkan seluruh pembahagian harta fai'i pula kepada orang-orang miskin sahaja. Dalam bidang penyewaan tanah, Islam menjadikan sistemnya yang terpilih ialah sistem pawah[4] iaitu sistem berkongsi hasil pertanian di antara tuan tanah dan penanamnya. Islam juga memberi kuasa kepada al-Imam (pemerintah) mengambil harta-harta golongan hartawan yang berlebihan untuk dibahagikan kepada orang-orang yang faqir dan menggunakan harta golongan hartawan apabila Baitul-Mal kekosongan kewangan.

---

[4] *Di sana terdapat perbezaan pendapat di antara ulama'-ulama' feqah tetapi pendapat yang kuat ialah pendapat yang kami telah sebutkan itu.*

Di samping itu Islam mengharamkan amalan monopoli dan riba yang merupakan dua sarana pokok yang membuat harta kekayaan itu hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja.

Pendeknya Islam telah menegakkan semua sistem ekonominya di atas asas yang dapat merealisasikan dasar yang terpenting ini yang dianggap sebagai satu batas yang tegas terhadap kebebasan hak milik perseorangan di samping batas-batas yang lain.[5]

Kerana itu sistem ekonomi Islam ialah satu sistem yang menghalalkan milik perseorangan, tetapi ia bukannya sistem kapitalis. Begitu juga sistem kapitalis itu bukannya dipindah dari sistem Islam, kerana sistem kapitalis tidak mungkin sekali-kali tegak tanpa amalan riba dan monopoli, malah sistem ekonomi Islam adalah sistem istimewa yang diturun dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui. Ia adalah satu sistem yang lahir sendirian, berjalan sendirian dan kekal sendirian sehingga hari ini sebagai satu sistem yang unik di mana segala aspeknya berimbang, dan segala hak dan kewajipannya selaras di samping selaras pula dengan seluruh alam buana sejak ia dilahirkan Allah yang menciptakan alam buana yang selama-lamanya selaras dan seimbang.

Berhubung dengan dasar yang kedua, iaitu dasar menerima syari'at atau undang-undang dari satu sumber sahaja, "Apa sahaja yang disuruhkan Rasul kepada kamu, maka kerjakannya, dan apa sahaja yang dilarangkannya kepada kamu, maka jauhkannya", maka dasar ini juga menggambarkan teori perlembagaan Islam. Oleh itu, kuatkuasa undang-undang di dalam Islam diambil dari punca perundangan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w., sama ada di dalam bentuk Al-Qur'an atau as-Sunnah. Seluruh rakyat termasuk al-Imam (pemerintah) tidak berkuasa membuat undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang yang dibawa Rasulullah s.a.w. Oleh itu, sebarang undang-undang yang dibuat yang bertentangan dengan undang-undang yang dibawa Rasul tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang kerana ia tidak mempunyai sandaran pertama yang memberi kuatkuasa undang-undang. Teori ini berlainan dari semua teori perundangan ciptaan manusia termasuk dasar perundangannya yang menjadikan rakyat sebagai sumber segala kuasa, dengan erti rakyat boleh mengadakan undang-undang untuk mereka mengikut kehendak mereka dan segala apa yang diperundangkan mereka mempunyai kuatkuasa undang-undang. Sedangkan sumber semua kuasa di dalam Islam ialah syari'at Allah yang dibawa Rasulullah s.a.w., dan tugas rakyat ialah berdiri teguh di atas syari'at ini, memelihara dan melaksanakannya, dan tugas al-Imam (pemerintah) ialah bertindak selaku wakil rakyat untuk melaksanakan syari'at itu. Di dalam syari'at inilah terletaknya seluruh hak rakyat dan mereka tidak berkuasa untuk melanggar apa sahaja peraturan dan undang-undang yang dibawa Rasulullah s.a.w.

Apabila tidak didapati nas-nas yang dibawa Rasulullah s.a.w. mengenai sesuatu persoalan yang dihadapi oleh umat Islam, maka mereka boleh membuat undang-undang mengenainya dengan syarat undang-undang itu tidak bertentangan dengan mana-mana dasar yang dibawa Rasulullah s.a.w. Undang-undang ini tidaklah bertentangan dengan teori itu, malah ia merupakan satu undang-undang cabang darinya. Jadi, sumber rujukan dalam mana-mana undang-undang dan peraturan ialah syari'at yang dibawa Rasulullah s.a.w. jika terdapat nas, dan sebaliknya jika nas tidak boleh didapati, maka bolehlah diadakan undang-undang dengan syarat ia tidak bertentangan dengan mana-mana dasar yang dibawa Rasulullah s.a.w. Seluruh kuasa rakyat dan al-Imam (pemerintah) yang menjadi wakil rakyat adalah terletak dalam lingkungan batas-batas ini. Sistem perundangan Islam adalah satu sistem perundangan yang unik yang tidak ada tolok bandingnya di dalam mana-mana undang-undang manusia yang diketahui mereka. Ia adalah satu perundangan yang menghubungkan perundangan untuk manusia dengan undang-undang alam buana seluruhnya, dengan erti ia menyelaraskan di antara undang-undang yang memerintah alam buana yang diatur oleh Allah dengan undang-undang-Nya yang memerintah manusia supaya undang-undang manusia tidak bercanggah dengan undang-undang alam yang membawa akibat yang menyusahkan mereka atau menghancurkan mereka atau membuat segala usaha mereka sia-sia dan hilang dihembus angin.

Ayat tadi telah mengingatkan kedua-dua dasar ini di dalam hati orang-orang Mu'min dengan sumbernya yang pertama iaitu Allah, kerana itu ia menyeru manusia kepada taqwa dan takutkan 'azab Allah:

"Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukuman-Nya."(7)

Taqwa inilah jaminan terbesar yang tidak memberi jalan tipu helah dan lari dari Allah, kerana orang-orang Mu'min tahu bahawa Allah mengetahui segala isi hati dan segala perbuatan mereka dan segala sesuatu akan pulang dan kembali kepada-Nya. Mereka juga tahu bahawa hukuman Allah itu amat keras dan seterusnya mereka tahu bahawa mereka ditugas menjaga imbangan kedudukan ekonomi supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di dalam kalangan orang-orang kaya dari kamu sahaja, dan mereka juga ditugas supaya menjunjung segala perintah Rasulullah s.a.w. dengan penuh kerelaan dan kepatuhan dan supaya menjauhi larangannya tanpa berlengah-lengah dan cuai dengan ingatan bahawa mereka akan menghadapi hari Qiamat yang dahsyat.

---

[5] *Lihat bab "سياسة المال" dalam kitab "العدالة الإجتماعية في الإسلام".*

Pembahagian harta fai'i, yang ditinggalkan oleh Bani an-Nadhir dan dibahagikan kepada orang-orang Muhajirin sahaja kecuali dua orang Ansar itu, merupakan satu peraturan khusus harta fai'i untuk merealisasikan dasar **"Supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di dalam kalangan orang-orang kaya dari kamu sahaja."** Adapun hukum harta fai'i pada umumnya ialah untuk seluruh orang faqir miskin dari orang-orang Muhajirin dan orang-orang Ansar dan generasi-generasi yang datang selepas mereka. Inilah tujuan-tujuan yang terkandung di dalam ayat-ayat yang berikut, tetapi ayat-ayat itu tidak hanya menyebut hukum semata-mata secara kering begitu sahaja, malah ia menerangkan setiap golongan dari ketiga-tiga golongan itu dengan sifat-sifat mereka masing-masing yang realistik dan hidup yang menggambarkan tabi'at dan hakikat mereka di mana Al-Qur'an menjelaskan hukum dengan gambaran yang hidup untuk berinteraksi dengan golongan-golongan yang hidup itu:

لِلْفُقَرَآءِ ٱلْمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأَمْوَٰلِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿٨﴾

"(Harta fai'i itu) juga untuk orang-orang Muhajirin yang faqir yang telah diusirkan dari kampung halaman mereka dan dari harta benda mereka kerana mencari limpah kurnia dan keredhaan Allah. Mereka menolong Allah dan Rasul-Nya. Merekalah orang-orang yang benar-benar beriman."(8)

Kelebihan Kaum Muhajirin

Itulah gambaran yang benar yang menonjolkan sifat-sifat istimewa golongan Muhajirin yang telah diusir keluar dari kampung halaman mereka dan dari harta benda mereka. Mereka terpaksa keluar kerana ditekan oleh tindakan yang jahat, penindasan dan pemulauan dari kaum kerabat dan keluarga mereka di Makkah. Mereka diperlakukan demikian bukan kerana sesuatu dosa melainkan semata-mata kerana mereka berkata, "Kami beriman kepada Allah." Mereka keluar meninggalkan kampung halaman dan harta benda mereka **"Kerana mencari limpah kurnia dan keredhaan dari Allah"** yakni kerana mengharapkan kurnia dan keredhaan-Nya. Tiada tempat perlindungan yang lain bagi mereka melainkan Allah, dan tiada naungan yang lain bagi mereka melainkan naungan-Nya. Tetapi walaupun mereka merupakan satu golongan kecil yang tertindas, namun mereka menolong Allah dan Rasul-Nya dengan hati dan mata pedang mereka di dalam waktu yang paling genting dan rumit, **"Merekalah orang-orang yang benar-benar beriman."** Yakni merekalah orang-orang yang mengaku beriman dengan lidah mereka dan membuktikan akuan itu dengan perbuatan mereka. Mereka adalah orang-orang yang benar-benar beriman kepada Allah yang dipilih mereka, dan benar-benar beriman kepada Rasul yang diikuti mereka, dan seterusnya benar-benar beriman kepada agama yang benar, hingga diri mereka sendiri merupakan satu gambaran yang hidup dari agama itu yang bergerak di atas muka bumi dan dapat dilihat oleh manusia semua.

وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَٰنَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُوا۟ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

"Juga untuk orang-orang (Ansar) yang menetap dalam negeri Hijrah dan dalam keimanan sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin). Mereka sayangkan orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka. Dan mereka tidak menaruh apa-apa keinginan di dalam hati mereka terhadap apa sahaja yang diberikan kepada mereka (Muhajirin), dan mereka mengutamakan kepentingan orang-orang Muhajirin dari kepentingan diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kepicikan. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari kebakhilan dirinya, maka merekalah orang-orang yang beruntung."(9)

Kelebihan Kaum Ansar

Ini juga satu gambaran yang cemerlang yang menonjolkan sifat-sifat paling utama dan istimewa golongan Ansar. Mereka mempunyai sifat-sifat yang unik dan amat tinggi. Andainya sifat-sifat ini tidak benar-benar berlaku tentulah manusia akan menganggapkannya sebagai impian yang melayang-layang atau sebagai contoh-contoh unggul yang diciptakan oleh imaginasi yang terbang tinggi.

وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَٰنَ مِن قَبْلِهِمْ

"Juga untuk orang-orang (Ansar) yang menetap dalam negeri Hijrah dan di dalam keimanan sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin)."(9)

Maksud menetap di dalam negeri Hijrah ialah negeri Yathrib atau Madinatur-Rasul. Negeri ini telah didiami oleh orang-orang Ansar sebelum kedatangan orang-orang Muhajirin. Begitu juga mereka menetap di dalamnya seolah-olah iman itu rumah kediaman dan negeri mereka ini adalah satu ungkapan yang mempunyai bayangan yang jauh, iaitu ia memberi gambaran yang amat tepat dengan pendirian orang-orang Ansar terhadap keimanan seolah-olah keimanan itu negeri dan rumah kediaman mereka, di mana hati mereka dan jiwa mereka hidup tenang tenteram, dan di sanalah mereka kembali mencari ketenangan, sebagaimana seorang yang pulang ke rumahnya untuk meni'mati ketenangan.

يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُوا۟

"Mereka sayangkan orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka. Dan mereka tidak menaruh apa-apa keinginan di

dalam hati mereka terhadap apa sahaja yang diberikan kepada mereka (Muhajirin)."(9)

Sejarah umat manusia seluruhnya tidak pernah menemui satu peristiwa kelompok manusia seperti peristiwa sambutan orang-orang Ansar terhadap orang-orang Muhajirin. Mereka telah memberi sambutan yang begitu mesra dan murah hati kepada kaum Muhajirin. Mereka berkongsi hidup dengan mereka dengan penuh kerelaan. Mereka berlumba-lumba memberi tempat kediaman kepada mereka dan memikul beban penempatan mereka, sehingga ada riwayat yang menceritakan bahawa tidak ada seorang dari Muhajirin yang tinggal di rumah orang Ansar melainkan dengan jalan undi, kerana bilangan tuan-tuan rumah yang ingin memberi tempat kediaman itu lebih banyak dari bilangan orang-orang Muhajirin. **"Mereka tidak menaruh apa-apa keinginan di dalam hati mereka terhadap apa sahaja yang diberikan kepada mereka (Muhajirin)"** iaitu terhadap apa sahaja kedudukan istimewa yang dini'mati orang-orang Muhajirin dan terhadap apa sahaja pemberian kewangan yang diberikan kepada mereka seperti dalam pembahagian fai'i. Mereka tidak menaruh apa-apa perasaan pun terhadap itu semua, mereka tidak pernah bersungut kerana hasad dan geram. Ungkapan **"Apa-apa keinginan"** membayangkan kebersihan hati yang sempurna dan mutlaq.

وَيُؤۡثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ وَلَوۡ كَانَ بِهِمۡ خَصَاصَةٞۚ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفۡسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴿٩﴾

"Mereka mengutamakan kepentingan orang-orang Muhajirin dari kepentingan diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kepicikan. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari kebakhilan dirinya, maka merekalah orang-orang yang beruntung."(9)

Kelebihan Golongan Tabi'in

Kesanggupan mengutamakan kepentingan orang lain dari kepentingan diri sendiri yang berada dalam kepecikan itu merupakan satu kemuncak akhlak yang amat tinggi yang telah dicapai oleh orang-orang Ansar. **"Dan barang siapa yang dipeliharakan dari kebakhilan dirinya, maka merekalah orang-orang yang beruntung."** Sifat bakhil dan kikir itulah yang menjadi penghalang setiap kebajikan, kerana kebajikan itu mengandungi unsur berkorban dalam berbagai-bagai bentuk iaitu berkorban harta, berkorban perasaan, berkorban tenaga dan berkorban nyawa jika diperlu. Seorang bakhil yang selama-lamanya mahu mengambil dan tidak sekalipun mahu memberi, tidak mungkin berbuat kebajikan. Oleh itu, barang siapa yang dipelihara dari tabi'at bakhil bererti dia terpelihara dari penghalang kebajikan dan dia akan dapat berbuat kebajikan dengan bebas dan murah hati. Inilah keberuntungan dalam erti kata yang sebenar.

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعۡدِهِمۡ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغۡفِرۡ لَنَا وَلِإِخۡوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَا تَجۡعَلۡ فِي قُلُوبِنَا غِلّٗا لِّلَّذِينَ ءَامَنُواْ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٞ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

"Juga untuk orang-orang yang datang selepas mereka (Muhajirin dan Ansar) yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Ampunkan kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami dan janganlah Engkau jadikan di dalam hati kami perasaan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(10)

Inilah gambaran golongan yang ketiga yang bersih, redha dan sedar. Ia menonjolkan sifat-sifat utama golongan at-Tabi'in yang datang kemudian dari mereka, di samping menonjolkan ciri-ciri umat Muslimin umumnya di semua negeri dan semua zaman.

Mereka yang datang selepas angkatan Muhajirin dan Ansar - mereka ini belum lagi datang selepas diturunkan ayat ini di Madinah, malah mereka hanya datang dalam ilmu Allah sahaja yang mutlaq yang tidak dibataskan oleh zaman dan tempat - mempunyai jiwa yang sentiasa bertawajjuh kepada Allah untuk memohon keampunan-Nya. Mereka bukan meminta keampunan untuk diri mereka, bahkan juga untuk orang-orang Mu'min yang telah beriman dahulu dari mereka. Mereka juga bertawajjuh kepada Allah memohon kebersihan hati mereka dari perasaan hasad dengki dan dendam terhadap seluruh orang-orang Mu'min yang terikat dalam pertalian iman. Mereka berdo'a dengan penuh kesedaran terhadap kasihan belas dan rahmat Allah: **"Sesungguhnya Engkau Maha Penyayang dan Maha Pengasih."**

Dari keterangan ayat-ayat ini muncullah sifat-sifat umat Muslimin dengan gambarannya yang cemerlang di alam ini, dan muncullah tali hubungan yang kuat dan kukuh yang mengikat angkatan awal umat Muslimin dengan angkatan yang akhir dan mengikatkan angkatan-angkatannya yang akhir dengan angkatan-angkatan yang awal di dalam satu ikatan yang padu, kasih mesra dan bertimbangrasa terhadap satu sama lain, juga muncullah kesedaran terhadap hubungan yang amat rapat dan mendalam yang melewati zaman, tempat, bangsa dan keturunan. Kesedaran inilah satu-satunya yang bekerja di dalam hati menggerakkan perasaan Mu'min di sepanjang abad yang panjang dan membuat seseorang Mu'min terkenang kepada saudaranya yang Mu'min yang telah dilalui abad-abad yang panjang. Dia terkenang kepadanya sama seperti seorang yang terkenang kepada saudaranya yang

masih hidup. Dia terkenang kepadanya dengan perasaan penuh bangga dan mesra. Angkatan Mu'min yang awal memperhitungkan kepentingan angkatan Mu'min yang kemudian, dan angkatan Mu'min yang kemudian menurut jejak angkatan Mu'min yang awal. Mereka berada dalam satu barisan dan dalam satu pasukan di sepanjang zaman dan di merata negeri di bawah panji-panji Allah.

Mereka semuanya menuju kepada Tuhan mereka Yang Maha Tunggal, Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

Ini adalah satu gambaran yang amat gemilang yang menggambarkan hakikat orang-orang mu'min yang wujud, di samping menggambarkan satu contoh yang paling tinggi dan luhur bagi umat manusia. Kemuliaan dan kegemilangan itu kelihatan begitu jelas apabila dibandingkan dengan gambaran dendam kesumat yang hina dan meruntuh yang digambarkan oleh fahaman komunis di dalam ajaran 'Injil' Karl Marx, iaitu gambaran dendam kesumat yang bersarang di dalam hati terhadap kelas-kelas, terhadap generasi-generasi manusia yang telah silam, terhadap umat-umat yang wujud yang tidak menganut fahaman komunis yang diluahkan dengan dendam kesumat, dan seterusnya terhadap keimanan dan orang-orang yang beriman dari setiap bangsa dan setiap agama[6].

Itulah dua gambaran yang sama sekali tidak mempunyai titik pertemuan, satu gambaran akhlak yang mengangkat manusia ke puncak ketinggian, dan satu lagi gambaran akhlak yang menjatuhkan manusia ke darjah yang paling rendah. Satu gambaran yang menggambarkan generasi-generasi manusia dari berbagai-bagai zaman, tempat, bangsa, negara, keluarga dan keturunan bersatupadu, berkasih sayang dan berkenal-kenalan mendaki jalan menuju kepada Allah dengan hati yang bersih dari dendam kesumat, dan satu lagi gambaran yang menggambarkan umat manusia yang hidup bermusuh-musuhan, dendam kesumat, hasad dengki, tipu daya dan belot terhadap satu sama lain, walaupun mereka berada di rumah-rumah ibadat mengerjakan sembahyang.

رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَا تَجْعَلْ فِى قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

"Wahai Tuhan kami! Ampunkan kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami dan janganlah Engkau jadikan di dalam hati kami perasaan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(10)

Inilah angkatan manusia yang beriman dan inilah do'a angkatan manusia yang beriman. Inilah angkatan yang mulia dan do'a yang mulia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 17)

Setelah melukiskan gambaran yang gemilang ini dan meletakkannya di puncak yang tinggi di dalam frem nur, Al-Qur'an kembali memperkatakan peristiwa yang menjadi punca turunnya ayat ini untuk melukiskan gambaran satu kumpulan manusia yang lain pula yang mengambil bahagian dalam peristiwa itu, iaitu kumpulan Munafiq:

أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ نَافَقُوا۟ يَقُولُونَ لِإِخْوَٰنِهِمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نُطِيعُ فِيكُمْ أَحَدًا أَبَدًا وَإِن قُوتِلْتُمْ لَنَنصُرَنَّكُمْ وَٱللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١١﴾

لَئِنْ أُخْرِجُوا۟ لَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِن قُوتِلُوا۟ لَا يَنصُرُونَهُمْ وَلَئِن نَّصَرُوهُمْ لَيُوَلُّنَّ ٱلْأَدْبَٰرَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٢﴾

لَأَنتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِى صُدُورِهِم مِّنَ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿١٣﴾

لَا يُقَٰتِلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِى قُرًى مُّحَصَّنَةٍ أَوْ مِن وَرَآءِ جُدُرٍۭ ۚ بَأْسُهُم بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ ۚ تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾

كَمَثَلِ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ قَرِيبًا ۖ ذَاقُوا۟ وَبَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٥﴾

كَمَثَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ إِذْ قَالَ لِلْإِنسَٰنِ ٱكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّنكَ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾

---

[6] *Antara tulisan-tulisan yang masyhur ialah buku bertajuk "Das Kapital" - Penterjemah.*

فَكَانَ عَٰقِبَتَهُمَآ أَنَّهُمَا فِي ٱلنَّارِ خَٰلِدَيۡنِ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ جَزَٰٓؤُاْ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٧

"Tidakkah engkau memperhatikan orang-orang Munafiq yang berkata kepada saudara-saudara mereka yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab: Jika kamu diusir keluar, nescaya kami akan tetap keluar bersama kamu. Dan kami selama-lamanya tidak akan tunduk kepada sesiapa pun yang bertujuan menentang kamu. Dan jika kamu diperangi, kami tetap akan membantu kamu. Dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya mereka adalah para pendusta(11). Jika mereka (kaum Yahudi) diusir keluar, mereka tidak akan turut keluar bersama mereka, dan jika mereka diperangi, mereka tidak akan membantu mereka, dan jika mereka membantu mereka, mereka akan berpaling lari ke belakang kemudian mereka (kaum Yahudi) tidak akan mendapat bantuan(12). Sesungguhnya kamu di dalam hati mereka lebih ditakuti mereka dari Allah. Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak mengerti(13). Mereka tidak akan memerangi kamu dengan bersatupadu melainkan di kampung-kampung yang berkubu kuat atau di sebalik tembok-tembok. Perseteruan di antara sesama mereka begitu hebat. Kamu fikir mereka bersatupadu, tetapi hati mereka berpecah-belah. Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak berfikir(14). (Mereka) adalah seperti nasib orang-orang Yahudi (Bani Qaynuqa') yang tidak lama sebelum mereka yang telah merasa akibat buruk dari perbuatan mereka. Dan untuk mereka disediakan 'azab yang amat pedih(15). (Pujukan kaum Munafiqin itu) sama seperti pujukan syaitan yang berkata kepada manusia: Kafirlah engkau. Dan apabila manusia itu menjadi kafir ia berkata: Aku tidak ada apa-apa hubungan dengan engkau, kerana aku sebenarnya takut kepada Allah Tuhan semesta alam(16). Maka kesudahan mereka ialah kedua-duanya dimasukkan ke dalam Neraka dan kekal di dalamnya. Itulah balasan orang-orang yang zalim."(17).

Sikap Kaum Munafiqin Terhadap Janji-janji Mereka

Itulah cerita janji-janji kaum Munafiqin kepada kaum Yahudi Bani an-Nadhir, iaitu janji-janji yang tidak pernah dikotakannya. Mereka telah mengecewakan harapan kaum Yahudi hingga mereka di serang Allah dari arah yang tidak terfikir oleh mereka. Allah telah mencampakkan perasaan gentar dan takut di dalam hati mereka, tetapi di dalam setiap ungkapan Al-Qur'an terdapat isyarat yang menunjukkan sesuatu hakikat, atau isyarat yang mencubitkan hati, mem-bangkitkan rasa keterlaluan dan mengemukakan sesuatu asas pendidikan, makrifat dan keimanan yang mendalam.

Isyarat pertama dari ayat-ayat ini ialah isyarat yang menjelaskan hubungan yang rapat yang wujud di antara orang-orang Munafiq dan orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab:

أَلَمۡ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ نَافَقُواْ يَقُولُونَ لِإِخۡوَٰنِهِمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡكِتَٰبِ

"Tidakkah engkau memperhatikan orang-orang Munafiq yang berkata kepada saudara-saudara mereka yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab."(11)

Di sini Ahlil-Kitab merupakan orang-orang yang kafir dan kaum Munafiqin merupakan saudara-saudara mereka walaupun mereka memakai baju Islam. Kemudian kaum Munafiqin memberi janji yang kukuh kepada saudara-saudara mereka:

لَئِنۡ أُخۡرِجۡتُمۡ لَنَخۡرُجَنَّ مَعَكُمۡ وَلَا نُطِيعُ فِيكُمۡ أَحَدًا أَبَدٗا وَإِن قُوتِلۡتُمۡ لَنَنصُرَنَّكُمۡ

"Jika kamu diusir keluar, nescaya kami akan tetap keluar bersama kamu. Dan kami selama-lamanya tidak akan tunduk kepada sesiapa pun yang bertujuan menentang kamu, dan jika kamu diperangi, kami tetap akan membantu kamu."(11)

Tetapi Allah amat mengetahui hakikat diri mereka kerana itu Allah memberi penerangan dan penegasan yang bertentangan dengan apa yang diterang dan ditegaskan mereka:

وَٱللَّهُ يَشۡهَدُ إِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ١١ لَئِنۡ أُخۡرِجُواْ لَا يَخۡرُجُونَ مَعَهُمۡ وَلَئِن قُوتِلُواْ لَا يَنصُرُونَهُمۡ وَلَئِن نَّصَرُوهُمۡ لَيُوَلُّنَّ ٱلۡأَدۡبَٰرَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ١٢

"Dan Allah menyaksi bahawa sesungguhnya mereka adalah para pendusta. Jika mereka (kaum Yahudi) diusir keluar, mereka tidak akan turut keluar bersama mereka, dan jika mereka diperangi, mereka tidak akan membantu mereka, dan jika mereka membantu mereka, mereka akan berpaling lari ke belakang, kemudian mereka (kaum Yahudi) tidak akan mendapat bantuan."(11-12)

Yang benar-benar berlaku ialah apa yang disaksikan Allah, dan yang dusta ialah apa yang diumum dan ditegaskan mereka kepada saudara-saudara mereka.

Kemudian Allah menjelaskan satu hakikat yang terpendam di dalam hati orang-orang Munafiq dan saudara-saudara mereka dari golongan Ahlil-Kitab:

لَأَنتُمۡ أَشَدُّ رَهۡبَةٗ فِي صُدُورِهِم مِّنَ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ قَوۡمٞ لَّا يَفۡقَهُونَ ١٣

"Sesungguhnya kamu di dalam hati mereka lebih ditakuti mereka dari Allah. Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak mengerti."(13)

Mereka takut kepada orang-orang Mu'min lebih dari ketakutan mereka kepada Allah. Andainya mereka benar-benar takut kepada Allah, mereka tidak takut kepada sesiapa pun dari hamba-hamba Allah. Ketakutan yang sebenar itu hanya satu sahaja. Oleh itu, di dalam sebuah hati tidak berkumpul perasaan takut kepada Allah dan perasaan takut kepada yang lain dari Allah, kerana seluruh kekuasaan itu milik

Allah sahaja dan seluruh kekuatan alam buana adalah tunduk kepada pemerintahan-Nya:

مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذٌۢ بِنَاصِيَتِهَآ

"Tiada seekor binatang yang bergerak melainkan Allahlah yang memegang ubun-ubunnya (menguasainya)."

(Surah Hud: 56)

Kepada siapa lagi orang yang benar-benar takut kepada Allah itu perlu takut? Tetapi orang-orang yang tidak memahami hakikat ini akan takut kepada hamba-hamba Allah lebih hebat dari ketakutan mereka kepada Allah. **"Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak mengerti."**

Demikianlah Al-Qur'an mendedahkan hakikat mereka dan terus mendedahkan keadaan jiwa mereka akibat dari hakikat itu, juga dari ketakutan mereka kepada orang-orang Mu'min yang lebih besar dari ketakutan mereka kepada Allah.

لَا يُقَٰتِلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِى قُرًى مُّحَصَّنَةٍ أَوْ مِن وَرَآءِ جُدُرٍۭ ۚ بَأْسُهُم بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ ۚ تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾

"Mereka tidak akan memerangi kamu dengan bersatu- padu melainkan di kampung-kampung yang berkubu kuat atau di sebalik tembok-tembok. Perseteruan di antara sesama mereka begitu hebat. Kamu fikir mereka bersatu- padu, tetapi hati mereka berpecahbelah. Sebabnya kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak berfikir."(14)

Hari-hari yang silih berganti masih terus mendedahkan kebenaran hakikat yang telah didedahkan Al-Qur'an tentang golongan Munafiqin dan golongan Ahlil-Kitab itu apabila mereka bertembung dengan pejuang-pejuang Mu'min pada bila-bila waktu dan di mana-mana tempat. Pertempuran-pertempuran yang berlaku di tanah suci di antara pejuang-pejuang Mu'min yang berani mati dan tentera-tentera Yahudi membuktikan kebenaran hakikat ini. Orang-orang Yahudi di sana tidak berperang melawan pejuang-pejuang Mu'min melainkan di daerah-daerah yang berbenteng kukuh di Palestin, dan apabila kedudukan mereka terdedah, mereka lari bertempiaran seperti tikus sehingga ayat-ayat ini seolah-olah diturunkan pada mulanya kerana mereka. Maha Suci Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

Sifat-sifat jiwa mereka yang lain ialah **"Perseteruan di antara sesama mereka begitu hebat, kamu fikir mereka bersatupadu, tetapi hati mereka berpecahbelah."** Sifat ini berlainan dari sifat orang-orang Mu'min, seluruh generasi mereka bersatupadu. Mereka diikat dan di-cantumkan oleh tali hubungan keimanan yang menjangkau batas-batas zaman, tempat, bangsa, negara dan keluarga. Perpecahan dan perseteruan itu berlaku **"Kerana mereka adalah golongan manusia yang tidak berfikir."**

Pemandangan-pemandangan dari luar kadang-kadang mengelirukan. Kita nampak orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab itu bersatupadu sesama mereka. Kita nampak semangat perkauman mereka begitu teguh di antara sesama mereka, begitu juga kita nampak golongan Munafiqin bersatupadu dalam satu khemah, tetapi berita yang sebenar dari langit memberitahu kita bahawa keadaan mereka yang sebenarnya bukan begitu. Apa yang kita nampak itu hanya pemandangan dari luar yang mengaburi mata sahaja. Dari satu masa ke satu masa tabir yang mengelirukan itu tersingkap dan kelihatanlah di belakangnya kebenaran berita langit yang dapat dilihat di alam kenyataan, dan terdedahlah keadaan mereka yang sebenar yang berpecahbelah di dalam satu khemah itu. Mereka berpecah dan berseteru kerana perbezaan kepentingan, perbezaan kehendak dan kemahuan dan kerana pertentangan tujuan. Bila sahaja orang-orang Mu'min berdiri teguh dan benar-benar bersatu kerana Allah, maka khemah orang-orang kafir di hadapan mereka akan tersingkap memperlihatkan perselisihan-perselisihan dan perpecahan-perpecahan di antara mereka. Bila sahaja orang-orang Mu'min bersabar dan bersatu kukuh, mereka akan melihat perpaduan di antara orang-orang yang mem-perjuangkan kebathilan itu pecah dan roboh dan tembelang perpecahan dan perseteruan di antara sesama mereka itu akan terbuka.

Barisan golongan Munafiqin dan orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab hanya dapat mengalahkan barisan orang-orang Mu'min apabila mereka berpecahbelah dan tidak lagi menggambarkan hakikat orang-orang Mu'min yang digambarkan oleh bahagian ayat-ayat yang silam dari surah ini. Andainya barisan orang-orang Mu'min tidak berada di dalam keadaan berpecahbelah, maka barisan orang Munafiqin tetap lemah, kerana sifat mereka dan sifat orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab memang tidak bersatupadu kerana perbezaan kehendak dan kemahuan, perbezaan kepentingan dan hati **"Perseteruan di antara sesama mereka begitu hebat, kamu fikir mereka bersatupadu, tetapi hati mereka berpecahbelah."**

Al-Qur'an menanamkan hakikat ini di dalam hati orang-orang Mu'min untuk memperkecilkan kedudukan musuh-musuh mereka dan untuk menghapuskan kehebatan mereka. Ia merupakan saranan yang didasarkan di atas hakikat yang benar. Ia merupakan pengemblengan semangat yang berasas-kan realiti yang benar dan kukuh. Apabila orang-orang Islam berpegang teguh dengan kitab suci mereka Al-Qur'an, maka kedudukan musuh mereka dan musuh Allah akan dirasa kecil dan kerdil di sisi mereka, dan seluruh hati mereka akan bersatupadu dalam satu barisan, dan ketika itu tiada kekuatan dalam hidup ini yang dapat menentang mereka.

Seluruh orang yang beriman kepada Allah harus memahami hakikat kekuatan diri mereka dan kekuatan musuh mereka, kerana ini merupakan separuh perjuangan. Al-Qur'an telah menjelaskan hakikat ini dalam bentuk mengisahkan sebuah peristiwa yang telah berlaku. Al-Qur'an menjelaskannya dengan terperinci yang dapat memberi faedah kepada orang-orang yang menyaksikan peristiwa itu dan dapat dimenungi oleh orang-orang yang datang selepas mereka yang mahu mengetahui hakikat dari Allah Yang Maha Mengetahui segala hakikat.

Peristiwa Bani an-Nadhir ini bukanlah peristiwa pertama yang seumpamanya, malah ia telah didahului oleh peristiwa Bani Qaynuqa' yang diisyaratkan oleh ayat berikut:

"(Mereka) adalah seperti nasib orang-orang Yahudi (Bani Qaynuqa') yang tidak lama sebelum mereka yang telah merasa akibat buruk dari perbuatan mereka. Dan untuk mereka disediakan 'azab yang amat pedih."(15)

Nasib Bani an-Nadhir Sama Dengan Nasib Bani Qaynuqa'

Peristiwa Bani Qaynuqa' telah berlaku selepas Peperangan Badar dan sebelum Peperangan Uhud di mana satu perjanjian telah dimeteraikan di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. Apabila orang-orang Islam berjaya menewaskan kaum Musyrikin di dalam Peperangan Badar, orang-orang Yahudi merasa tidak senang. Mereka dengkikan orang-orang Islam atas kejayaan besar yang telah dicapaikan mereka dalam peperangan itu. Mereka menaruh kebimbangan bahawa kemenangan orang-orang Islam itu boleh melemah-kan kedudukan mereka di Madinah dan menguatkan kedudukan orang-orang Islam. Berita desas-desus dan rancangan jahat yang sedang difikirkan oleh mereka telah sampai kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau mengingatkan mereka kepada perjanjian yang telah dimeteraikan itu dan kepada keburukan akibat dari perbuatan seperti itu. Tetapi mereka telah memberi jawapan yang kasar dan mengandungi ancaman. Mereka berkata: "Wahai Muhammad, nampaknya engkau memandang kami seperti kaum engkau! Janganlah engkau tertipu kerana engkau dapat melawan satu kaum yang tidak mengerti berperang, kerana itu engkau mendapat peluang mengalah mereka. Tetapi kami tidak begitu, demi Allah, jika kami memerangi engkau, nescaya engkau akan tahu bahawa kami adalah orang-orang yang sebenar handal!"

Sejak itu mereka mulai mengganggu orang-orang Islam. Di antara gangguan yang dilakukan mereka yang disebut oleh riwayat-riwayat ialah ada seorang perempuan Arab datang membawa barang lalu dijualnya di pasar Bani Qaynuqa'. Kemudian dia mendapatkan tukang emas dan duduk di situ. Tiba-tiba orang-orang Yahudi yang ada di tempat itu mahukan perempuan itu membuka tudung mukanya, tetapi perempuan itu enggan berbuat demikian. Lalu tukang emas itu secara diam-diam mengambil perca kain perempuan itu dan mengikatkan di belakangnya. Apabila perempuan itu bangun, kainnya terselak dan menyebabkan auratnya terdedah. Mereka pun ketawa berderai dan perempuan itu pun menjerit. Tiba-tiba seorang lelaki Islam menerkam tukang emas itu, lalu membunuhnya. Orang-orang Yahudi di situ mengerumuni lelaki itu dan terus membunuhnya. Kemudian keluarga lelaki Islam yang terbunuh itu meminta pertolongan orang-orang Islam. Mereka pun marah dan pergaduhan pun meletus di antara mereka dengan orang-orang Yahudi Bani Qaynuqa'.

Rasulullah s.a.w. telah mengepung mereka sehingga mereka tunduk kepada keputusannya. Tiba-tiba ketua kaum Munafiqin Abdullah ibn Ubai ibn Salul datang berdebat dengan Rasulullah s.a.w. mempertahankan kedudukan Bani Qaynuqa' atas nama perjanjian yang wujud di antara mereka dengan suku Khazraj, tetapi alasan yang sebenar ialah kerana adanya hubungan yang rapat yang wujud di antara kaum Munafiqin dengan saudara-saudara mereka yang kafir dari golongan Ahlil-Kitab itu. Pada akhirnya Rasulullah s.a.w. bersetuju supaya mereka keluar meninggalkan negeri Madinah dan membenarkan mereka membawa keluar bersama mereka harta benda mereka kecuali alat-alat senjata. Mereka keluar menuju ke negeri Syam.

Inilah peristiwa yang diisyaratkan oleh Al-Qur'an dan membandingkannya dengan keadaan dan hakikat Bani an-Nadhir, dan keadaan kaum Munafiqin dengan kedua-dua suku Yahudi.

Kemudian Al-Qur'an membandingkan kaum Munafiqin - yang menghasut saudara-saudara mereka orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab supaya melawan Rasulullah s.a.w. dan akhirnya menerima akibat yang malang - dengan syaitan yang menghasut manusia, yang mana pada akhirnya manusia yang menerima hasutan itu telah menerima nasib kesudahan yang amat buruk:

Sikap Kaum Munafiqin samalah Dengan Sikap Syaitan

كَمَثَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ إِذْ قَالَ لِلْإِنسَٰنِ ٱكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّنكَ إِنِّىٓ أَخَافُ ٱللَّهَ رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾

فَكَانَ عَٰقِبَتَهُمَآ أَنَّهُمَا فِى ٱلنَّارِ خَٰلِدَيْنِ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَٰٓؤُا۟ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٧﴾

"(Pujukan kaum Munafiqin itu) sama seperti pujukan syaitan yang berkata kepada manusia: Kafirlah engkau. Dan apabila manusia itu menjadi kafir ia berkata: Aku tidak ada apa-apa hubungan dengan engkau, kerana aku sebenarnya takut kepada Allah Tuhan semesta alam(16). Maka kesudahan mereka ialah kedua-duanya dimasukkan ke dalam Neraka dan kekal di dalamnya. Itulah balasan orang-orang yang zalim."(17)

Gambaran syaitan di sini dan peranannya dengan manusia yang menerima hasutannya memang sesuai dengan tabi'at dan tugas-tugasnya, tetapi yang aneh ialah manusia sanggup mendengar hasutannya dan menerima nasib ini.

Ini adalah satu hakikat yang kekal yang disebut oleh Al-Qur'an sebagai ekoran dari peristiwa itu. Ia disebut dengan tujuan untuk mengikatkan peristiwa itu dengan hakikat ini di alam realiti yang hidup agar hakikat yang mujarrad itu tidak terpencil di dalam minda sahaja, kerana hakikat-hakikat mujarrad yang dingin tidak dapat mempengaruhi perasaan dan tidak dapat menggerakkan hati supaya menerimanya. Inilah perbezaan di antara methodologi Al-Qur'an berbicara dengan hati manusia dengan methodologi ahli-ahli falsafah dan para pengkaji ilmiah.

Dengan perbandingan yang menarik ini berakhirlah kisah Bani an-Nadhir di mana terkumpul dicelah-celahnya dan di akhir-akhirnya berbagai-bagai gambaran, hakikat-hakikat dan bimbingan-bimbingan. Peristiwa-peristiwa setempat itu telah berhubung rapat dengan hakikat-hakikat mujarrad agung yang kekal. Ia merupakan satu pengembaraan di alam realiti dan di alam hati nurani dan menjangkau lebih jauh lagi dari batas-batas peristiwa yang telah berlaku itu sendiri. Penceritaan kisah itu berbeza di antara penceritaan Al-Qur'an dengan penceritaan manusia di dalam buku-buku mereka. Dan kadar perbezaan itu ialah sejauh perbezaan yang tidak terukur yang terdapat di antara ciptaan Allah dengan ciptaan manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 20)

Orang-orang Yang Beriman Diseru Menyediakan Bekalan Untuk Akhirat

Setelah peristiwa itu tamat setakat ini, dengan ulasan dan hubungannya dengan hakikat-hakikat yang jauh itu, Al-Qur'an tujukan ayat-ayatnya dalam surah ini kepada orang-orang Mu'min. Ia menyeru mereka atas nama keimanan dan sifat keimanan yang menghubungi mereka dengan Allah dan memudahkan mereka menyambut arahan dan perintah-Nya. Ia menghadapi mereka untuk mengajak mereka kepada bertaqwa dan memeriksa sejauh mana bekalan-bekalan yang telah disediakan mereka untuk Akhirat, juga menyeru mereka supaya sentiasa sedar dan hati-hati dari melupakan Allah sebagaimana orang-orang yang telah melupakan Allah di zaman-zaman lampau dari kaum-kaum yang telah melihat kebinasaan yang telah menimpa segolongan dari mereka dan dari orang-orang yang telah ditetapkan menjadi penghuni Neraka.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلْتَنظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾
وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ نَسُوا۟ ٱللَّهَ فَأَنسَىٰهُمْ أَنفُسَهُمْ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿١٩﴾
لَا يَسْتَوِىٓ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ وَأَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۚ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah. Dan setiap orang hendaklah memikirkan apakah yang telah disediakan untuk hari esok (Akhirat), bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(18). Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah lupakan Allah, lalu Allah jadikan mereka lupakan diri mereka sendiri. Merekalah orang-orang yang fasiq(19). Tidakkah sama penghuni-penghuni Neraka dengan penghuni-penghuni Syurga. Penghuni-penghuni Syurga itulah orang-orang yang beruntung."(20)

Taqwa itu ialah satu keadaan di dalam hati yang tidak dapat digambarkan hakikatnya dengan ungkapan kata-kata, iaitu satu keadaan yang membuat hati sentiasa sedar dan waspada, sentiasa merasa kehadiran Allah pada setiap situasi, sentiasa takut, serba salah dan malu dilihat Allah apabila berada di dalam satu situasi yang tidak disukai-Nya. Penglihatan Allah memandang setiap hati pada setiap detik. Siapakah yang merasa aman bahawa dia tidak dilihat Allah?

وَلْتَنظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ

"Dan setiap orang hendaklah memikirkan apakah yang telah disediakannya untuk hari esok (Akhirat)."(18)

Ungkapan ini mempunyai pengertian-pengertian dan saranan-saranan yang lebih luas dari kata-katanya. Sebaik sahaja ungkapan ini terlintas di dalam hati seseorang akan membuka lembaran catatan amalannya, malah lembaran hidupnya, dan matanya akan memperhatikan butir-butir stok simpanan amalan di dalam buku kira-kiranya untuk melihat sebanyak mana bekalannya yang telah disediakan untuk hari esok yang tercatat dalam buku itu. Pemerhatian yang sedemikian itu sudah cukup untuk menyedarkannya terhadap tempat-tempat kelemahan, kekurangan dan kecuaian dirinya, biarpun sebanyak mana dia telah melakukan amalan-amalan kebajikan, dan bagaimana pula gerangannya jika stok simpanan amalan kebajikannya sedikit dan kecil? Ini adalah satu cubitan yang membuat hati tidak akan

tidur buat selama-lamanya dan membuat seseorang itu tidak berhenti melihat dan memeriksa dirinya.

Sebelum ayat yang menimbulkan perasaan-perasaan itu berakhir, Al-Qur'an terus mendesak hati orang-orang Mu'min dengan memberi desakan tambahan:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

"Bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(18)

Dengan ini hati bertambah peka, takut dan malu kerana Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu.

Sesuai dengan ayat ini yang menyeru manusia supaya sentiasa berwaspada dan ingat kepada Allah, maka di dalam ayat yang berikut, Al-Qur'an mengingatkan mereka supaya jangan jadi seperti orang-orang yang lupakan Allah:

وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ نَسُوا۟ ٱللَّهَ فَأَنسَىٰهُمْ أَنفُسَهُمْ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿١٩﴾

"Dan janganlah kamu jadi seperti orang-orang yang telah lupakan Allah, lalu Allah jadikan mereka lupakan diri mereka sendiri. Merekalah orang-orang yang fasiq."(19)

Ini adalah satu keadaan yang aneh tetapi benar. Orang yang lupakan Allah merayau-rayau di dalam hidup mereka tanpa satu hubungan yang mengikatkannya dengan Allah dan tanpa satu matlamat yang luhur yang mengangkatkannya dari taraf binatang ternakan yang makan rumput. Ini merupakan suatu kelupaan terhadap sifat insaniahnya. Dan hakikat ini melahirkan pula satu hakikat yang lain iaitu dia lupakan dirinya sendiri, kerana itu dia tidak berusaha menyediakan bekalan untuk kehidupan Akhirat yang panjang dan abadi dan tidak memikirkan bekalan hari esok.

أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿١٩﴾

"Merekalah orang-orang yang fasiq."(19)

Yakni orang-orang yang menyeleweng dan menderhaka.

Dalam ayat yang berikut pula Al-Qur'an menerangkan bahawa orang-orang itu adalah penghuni-penghuni Neraka, dan menyarankan kepada orang-orang Mu'min supaya mengikut jalan yang lain dari jalan yang diikuti orang-orang itu iaitu jalan ahli-ahli Syurga. Kerana jalan ahli-ahli Syurga adalah berlainan dan jalan ahli-ahli Neraka.

Kesan Al-Qur'anul-Karim Pada Hati Manusia

لَا يَسْتَوِىٓ أَصْحَـٰبُ ٱلنَّارِ وَأَصْحَـٰبُ ٱلْجَنَّةِ ۚ أَصْحَـٰبُ ٱلْجَنَّةِ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

"Tidaklah sama penghuni-penghuni Neraka dengan penghuni-penghuni Syurga. Penghuni-penghuni Syurga itulah orang-orang yang beruntung."(20)

Kedua-duanya tidak sama, baik dari segi sifat mahupun dari segi keadaan, baik dari segi jalan mahupun dari segi tindakan dan baik dari segi hala tujuan mahupun dari segi matlamat. Kedua-duanya berada di persimpangan jalan. Kedua-duanya tidak akan bertemu di sebuah jalan, kedua-duanya tidak akan bertemu dalam satu sifat, tidak akan bertemu selama-lamanya dalam satu strategi tidak akan bertemu sama sekali dalam satu politik dan tidak akan bertemu dalam satu barisan, sama ada di dunia atau di Akhirat.

أَصْحَـٰبُ ٱلْجَنَّةِ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

"Penghuni-penghuni Syurga itulah orang-orang yang beruntung."(20)

Al-Qur'an menerangkan kesudahan penghuni-penghuni Syurga, dan tidak berkata apa-apa tentang kesudahan penghuni-penghuni Neraka, kerana kesudahan mereka memang diketahui umum, seolah-olah mereka manusia-manusia yang hilang yang tidak perlu dikatakan apa-apa.

******

(Pentafsiran ayat 21)

Kemudian datang pula satu nada kenyataan yang menggoncangkan hati ketika Al-Qur'an menerangkan kesan Al-Qur'an pada batu yang pejal apabila diturunkan ke atasnya:

لَوْ أَنزَلْنَا هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَـٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَـٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

"Dan sekiranya Kami turunkan Al-Qur'an ini di atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu tunduk patuh dan pecah terbelah kerana takut kepada Allah. Itulah perumpamaan-perumpamaan yang Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir."(21)

Gambaran ini menerangkan satu hakikat yang benar, kerana Al-Qur'an ini mempunyai berat, kekuatan dan kesan yang menggoncangkan siapa sahaja yang menerima hakikatnya. Sayyidina Umar ibn al-Khattab r.a. telah mengalami kesan berat itu ketika beliau mendengar seorang membaca ayat:

وَٱلطُّورِ ﴿١﴾ وَكِتَـٰبٍ مَّسْطُورٍ ﴿٢﴾ فِى رَقٍّ مَّنشُورٍ ﴿٣﴾ وَٱلْبَيْتِ ٱلْمَعْمُورِ ﴿٤﴾ وَٱلسَّقْفِ ٱلْمَرْفُوعِ ﴿٥﴾ وَٱلْبَحْرِ ٱلْمَسْجُورِ ﴿٦﴾ إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَٰقِعٌ ﴿٧﴾ مَّا لَهُۥ مِن

دَافِعٍ ﴿٨﴾

"Demi bukit Thur, demi kitab yang ditulis pada lembaran yang terbuka, demi Baitul-Ma'mur, dan demi bumbung yang tinggi, dan demi laut yang meledakkan api. Sesungguhnya 'azab Tuhanmu tetap berlaku. Tiada seorang pun yang dapat menolaknya."

(Surah at-Tuur: 1-8)

Beliau terpaksa bersandar di dinding-dinding kemudian pulang menderita kesakitan hingga beliau dilawati orang selama sebulan.

Pada detik-detik terbukanya hati manusia menerima sesuatu dari hakikat Al-Qur'an, ia akan menggigil dan gementar. Perubahan-perubahan akan berlaku di dalam hatinya sama dengan perubahan-perubahan yang berlaku di alam benda apabila sesuatu jisim menerima kesan daya magnetik dan karan elektrik atau lebih lagi.

Allah yang menciptakan gunung-ganang dan menurunkan Al-Qur'an telah berfirman: **"Sekiranya Kami turunkan Al-Qur'an ini di atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu tunduk patuh dan pecah terbelah kerana takut kepada Allah."** Orang-orang yang telah mengalami sesuatu dari kesan sentuhan Al-Qur'an di dalam hati mereka tetap merasakan kebenaran hakikat ini, iaitu satu perasaan yang tidak dapat diungkapkan dengan tepat melainkan oleh ayat Al-Qur'an yang terang dan menarik ini.

"Itulah perumpamaan-perumpamaan yang Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir."(21)

Dan memang wajar perumpamaan-perumpamaan itu menyedarkan hati manusia untuk meneliti dan berfikir.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

Sebahagian Dari Nama-nama Allah Yang Maha Indah

Dan pada akhirnya datang pula ucapan tasbih yang lanjut menyebut nama-nama Allah yang paling indah, seolah-olah tasbih itu merupakan salah satu kesan Al-Qur'an di dalam entiti alam buana seluruhnya, di mana lidah Al-Qur'an mengucap tasbih melontarkan gema yang bersahut-sahutan di merata pelusuknya. Nama-nama Allah yang disebut amat jelas kesan-kesannya dalam hati alam buana ini dan di dalam harakatnya dan fenomena-fenomenanya. Jadi alam buana bertasbih, dan serentak itu juga ia bersaksi dengan kesan-kesan dari nama-nama Allah yang paling indah itu:

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ۖ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

"Dialah Allah tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata. Dialah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih(22). Dialah Allah tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia Pemilik Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera, Pengurnia keamanan Yang Maha Agung, Penaung Yang Maha Agung, Yang Maha Perkasa, Penguasa Yang Maha Agung, Pemilik Kebesaran Yang Maha Agung. Maha Sucilah Allah dari segala sesuatu yang dipersekutukan mereka(23). Dialah Allah Pencipta Yang Maha Agung, Pelaksana Yang Maha Agung dan Pembentuk rupa Yang Maha Agung yang mempunyai nama-nama yang paling indah. Segala isi langit dan bumi sentiasa bertasbih memuji-Nya dan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(24)

Inilah tasbih yang panjang mengagung-agungkan sifat-sifat Allah Yang Maha Mulia. Ia tersusun dari tiga bahagian dan setiap bahagian dimulai dengan sifat tauhid iaitu:

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ

"Dialah Allah tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia."(22)

Atau:

هُوَ ٱللَّهُ

"Dialah Allah."(22)

Setiap nama dari nama-nama Allah yang paling indah ini mempunyai kesan yang nyata di dalam alam buana dan di dalam kehidupan manusia. Nama-nama itu menyarankan kepada hati kita betapa besarnya keberkesanan nama-nama dan sifat-sifat ini, iaitu keberkesanan yang mempunyai kesan dan hubungan dengan manusia dan seluruh makhluk hidup yang lain. Ia bukanlah sifat-sifat negatif atau sifat-sifat yang terpisah dari entiti alam buana, dari keadaan-keadaan dan fenomena-fenomenanya yang menemani kewujudannya.

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ

"Dialah Allah tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia."(22)

Dengan ini tersematlah di dalam hati keesaan 'aqidah, keesaan ibadat, keesaan haluan dan keesaan

keberkesanan sifat dari permulaan penciptaan hingga akhirnya. Di atas prinsip keesaan atau Wahdaniah inilah ditegakkan satu methodologi yang sempurna dalam bidang-bidang pemikiran, perasaan, tingkahlaku, hubungan manusia dengan alam buana, hubungan dengan makhluk-makhluk yang hidup dan hubungan manusia sesama manusia yang didasarkan di atas prinsip keesaan Allah.

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ

"Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata."(22)

Dengan ini tersematlah di dalam hati perasaan dan kesedaran bahawa Allah itu mengetahui segala yang zahir dan segala yang tersembunyi. Dengan kesedaran ini tergeraklah hati nurani ini bermuraqabah dengan Allah di masa sulit dan di masa terang, dan setiap orang akan bekerja dengan kesedaran bahawa dia diperhatikan Allah dan bermuraqabah dengan Allah, dan dengan perasaan bahawa dia tidak tinggal sendirian sahaja walaupun dia sedang bersunyi diri atau bermunajat. Seterusnya dia menyelaraskan semua tindak-tanduknya dengan kesedaran dan perasaan itu, yang tidak membolehkan hatinya lalai dan tidur.

"Dialah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(22)

Dengan ini tersematlah di dalam hati perasaan aman, tenang dan yakin kepada rahmat Allah dan tercapailah imbangan di antara ketakutan dan harapan, di antara kebimbangan dari ketenteraman. Allah dalam kepercayaan seseorang Mu'min tidak memburu hamba-hamba-Nya, tetapi Dia memperhatikan mereka, dan tidak bermaksud jahat terhadap mereka, malah Allah bermaksud memberi hidayat kepada mereka. Allah tidak membiarkan mereka tanpa pertolongan apabila mereka bertarung dengan kejahatan-kejahatan dan hawa nafsu.

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

"Dialah Allah tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia."(23)

Ungkapan tauhid ini diulang lagi dalam tasbih yang kedua kerana prinsip tauhid inilah menjadi landasan sifat-sifat Allah yang lain.

ٱلْمَلِكُ

"Pemilik Yang Maha Agung."(23)

Dengan ini tersematlah di dalam hati kepercayaan tiada pemilik melainkan Allah yang tiada tuhan selain Dia. Apabila hak milik terletak pada satu tangan pemilik sahaja, maka seluruh hamba hanya mempunyai satu tuan sahaja, dan kepada tuan yang tunggal inilah sahaja dia harus bertawajjuh dan berkhidmat, kerana seorang hamba tidak boleh berkhidmat kepada dua tuan serentak dalam satu masa:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِۦ

"Allah tidak jadikan bagi seseorang dua hati di dalam rongga dadanya."'

(Surah al-Ahzab: 4)

ٱلْقُدُّوسُ

"Yang Maha Suci."(23)

Sebuah nama yang memancarkan kebersihan dan kesucian yang mutlaq dan menyorotkan ke dalam hati manusia cahaya yang bersih untuk menyucikannya agar layak untuk menerima limpah kurnia Allah Pemerintah Yang Maha Agung, Yang Maha Suci, juga layak untuk bertasbih memuji-Nya dan mentaqdiskan-Nya.

ٱلسَّلَٰمُ

"Yang Maha Sejahtera."(23)

Nama ini juga memancarkan kedamaian, keamanan dan ketenteraman di seluruh pelusuk alam al-wujud dan di dalam hati orang yang Mu'min terhadap Allah, iaitu dia merasa aman di samping Allah dan merasa selamat di bawah naungan-Nya, juga terhadap alam al-wujud dan para penghuninya, baik makhluk yang bernyawa dan tidak bernyawa. Dari nama ini, hati seorang Mu'min akan pulang membawa rasa kedamaian, kesenangan dan ketenteraman. Segala kegelisahan dan kerusuhan hatinya kembali menjadi tenang dan damai.

ٱلْمُؤْمِنُ

"Pengurnia keamanan Yang Maha Agung."(23)

Allahlah yang mengurniakan keamanan dan keimanan. Bunyi sebutan nama ini membuat seseorang merasa betapa tingginya nilai keimanan, di mana dia bertemu dengan Allah dan di samping itu sifat al-Mu'min yang menjadi salah satu dari sifat-sifat Allah inilah juga yang menjadi sifatnya, dan dengan sifat keimanan inilah juga dia dapat meningkat ke alam al-Mala'ul-A'la.

ٱلْمُهَيْمِنُ

"Penguasa Yang Maha Agung."(23)

Ini merupakan satu permulaan lembaran yang lain mengenai sifat Allah. Sifat-sifat **"Yang Maha Suci"** (al-Quddus), **"Yang Maha Sejahtera"** (as-Salam) dan **"Pengurnia keamanan Yang Maha Agung"** (al-Mu'min) yang telah lalu itu merupakan sifat-sifat yang bergantung semata-mata dengan zat Allah, sedangkan sifat **"Penguasa Yang Maha Agung"** dan sifat-sifat seterusnya adalah bergantung dengan zat Allah yang aktif di alam buana dan manusia, iaitu

sifat yang membayangkan penguasaan dan pengawasan Allah.

Demikianlah juga sifat-sifat **"Yang Maha Perkasa"** (al-Aziz), **"Penguasa Yang Maha Agung"** (al-Jabbar), dan **"Pemilik kebesaran Yang Maha Agung"** (al-Mutakabbir) merupakan sifat-sifat yang membayang sifat menguatkuasa, menakluk, mengalah, menggagahi dan mengatasi. Oleh itu tiada yang perkasa melainkan Dia, tiada penguatkuasa melainkan Dia, tiada pemilik kebesaran melainkan Dia. Dan tiada siapa pun yang berkongsi dengan-Nya dalam mana-mana sifat itu, hanya Allah sahaja yang bersifat dengan sifat-sifat itu, Allah sahaja satu-satunya yang mempunyai sifat-sifat itu, tiada sebarang sekutu dan kongsi bagi-Nya.

Kerana ini ayat itu diakhiri dengan:

"Maha sucilah Allah dari segala sesuatu yang dipersekutukan mereka."(23)

Kemudian bahagian yang akhir bermula pula dengan satu tasbih yang panjang:

"Dialah Allah."(24)

Dialah Tuhan Yang Maha Esa, dan tiada tuhan yang lain dari-Nya, dan seluruh tuhan yang lain dari-Nya bukan tuhan.

"Pencipta"(24)

dan:

"Pelaksana Yang Maha Agung."(24)

Sifat mencipta ialah sifat memelan, mereka - bentuk dan mengaturkan perencanaan. Sifat melaksana ialah sifat menjalan dan melahirkan sesuatu ke alam kenyataan. Kedua-dua sifat ini mempunyai hubungan yang amat rapat dan perbezaan di antara keduanya amat halus dan seni.

ٱلْمُصَوِّرُ

"Pembentuk rupa Yang Maha Agung."(24)

Ini juga satu sifat yang mempunyai pertalian yang rapat dengan dua sifat sebelumnya. Maksud dari sifat ini ialah memberi bentuk rupa dan sifat-sifat keperibadian yang khusus kepada setiap makhluk yang membezakannya dari yang lain.

Penderetan rangkaian sifat-sifat Allah, yang mempunyai pertalian yang amat rapat di antara satu sama lain dan mempunyai titik perbezaan yang halus itu, menggerakkan hati kita untuk mengikut proses penciptaan, pengwujudan dan pelaksanaan Allah dari satu peringkat ke satu peringkat mengikut gambaran kefahaman manusia. Tetapi di alam hakikat di sana tidak ada peringkat-peringkat dan langkah-langkah seperti itu. Segala apa yang kita faham dari makna-makna sifat-sifat itu bukanlah merupakan hakikat yang mutlaq, kerana tiada siapa yang mengetahui hakikat yang mutlaq ini melainkan Allah. Kita hanya memahami sebahagian makna dari sifat-sifat itu menerusi kesan-kesannya yang diketahui oleh kita dalam lingkungan daya tenaga kita yang kecil.

"Dia mempunyai nama-nama yang paling indah."(24)

Maksudnya, nama-nama itu sendiri memang amat indah. Allah tidak memerlukan kepada sanjungan makhluk. Keindahannya tidak bergantung kepada pujian mereka. Nama-nama yang paling indah mengilhamkan keindahan di dalam hati. Itulah nama-nama yang diteliti dan dimenungi oleh orang-orang Mu'min untuk membentuk dan menyesuaikan diri mereka dengan kehendak-kehendak dan saranan nama-nama itu, kerana mereka tahu bahawa Allah suka bersifat dengan sifat-sifat itu. Dengan penelitian sedemikian dia perlahan-lahan dapat meningkatkan dirinya ke tingkat-tingkat yang tinggi yang dicita-citakan olehnya.

Penamat tasbih yang panjang dengan nama-nama Allah Yang Maha indah itu ialah pemandangan alam al-wujud bertasbih kepadanya:

"Segala isi langit dan bumi sentiasa bertasbih memuji-Nya, dan Dia Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(24)

Itulah pemandangan yang diduga oleh hati kita setelah disebut nama-nama yang indah ini. Seluruh makhluk yang lain juga, baik makhluk yang tiada bernyawa, mahupun makhluk yang bernyawa, adalah turut menduga bersama hati kita. Demikian permulaan surah bertemu dengan akhirnya dalam satu pertemuan yang begitu serasi dan harmoni.

******